

"PARA ilmuwan dan pelajar mestilah jadi mentor (pembimbing), guru dan pakar pemikir. Mereka adalah sumber budaya intelektual. Mereka patut disokong dan didukung untuk melahirkan budaya yang sihat ini."
- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2007 pada 11 Syawal 1428 / 23 Oktober 2007.

"WAHAI Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku anak yang tergolong dari orang-orang yang soleh."
- (Surah Ash-Shaaffat ayat 100).

Diabetes memerlukan intervensi yang proaktif dan inovatif

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

JERUDONG, Ahad, 21 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berkata, statistik yang berkaitan dengan salah satu faktor risiko diabetes seperti lazimnya di negara ini dan di negara-negara lain seluruh dunia ialah obesiti.

Berucap demikian pada Majlis Pelancaran Simposium Penyakit Diabetes (Kencing Manis) untuk Doktor-Doktor Rawatan Asas dan Jururawat Pendidik Diabetes yang berlangsung di salah sebuah hotel di Jerudong, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, hasil keputusan baru-baru ini yang diterbitkan pada Fasa Pertama Kesihatan Negara Kedua dan Kaji

Selidik Status Pemakanan pada Januari 2013 mendapati bahawa 8.8 peratus kanak-kanak berusia lima tahun ke bawah adalah obes, manakala 3.3 peratus kadar obesiti terdiri daripada mereka yang di bawah umur tiga tahun.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, dalam kalangan penduduk dewasa di negara ini, hasil daripada Pemeriksaan Kesihatan Bersepadu dan Program Promosi Kesihatan untuk Perkhidmatan Awam, 38 peratus daripada mereka didapati mempunyai berat badan yang berlebihan dan 28 peratus lagi adalah obes.

Seperti yang diketahui pada kelazimannya, munculnya obesiti, penyakit diabetes akan menyusul kemudiannya.

Ke muka 24

Taqzir, undang-undang yang diiktiraf Islam

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Ahad, 21 April. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menjelaskan mengenai *taqzir* kerana berlaku kekeliruan mengenai perkara tersebut.

Dalam Ceramah Kuliah Bersama Mufti siri terakhir bertajuk 'Undang-Undang Jenayah Syari'ah' yang diadakan lewat petang kelmarin di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Mufti Kerajaan menjelaskan mengenai perbezaan di antara Undang-Undang Jenayah Syari'ah dan Undang-Undang Jenayah Sivil.

Yang Berhormat menimbulkan tentang anggapan orang bahawa

memadai menghukum jenayah zina, jenayah *sariqah* dan lain-lain dengan *taqzir* yang juga kata mereka adalah Undang-Undang Islam yang diiktiraf oleh Islam. Pendapat sesetengah pihak bahawa undang-undang sekarang, yang berjalan di Mahkamah-Mahkamah Syari'ah, memadai sebagai telah menjalankan Undang-Undang Islam adalah tidak tepat.

Yang Berhormat berkata bahawa jenayah zina, *qazab*, *syirqah*, *hirabah*, minum minuman yang memabukkan dan irtidad tidak boleh ditangani dengan *taqzir* kerana kesalahan-kesalahan tersebut ada disebut dengan jelas hukumannya di dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Ke muka 24

Berangkat tinjau persiapan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani plak keberangkatan sempena lawatan baginda ke bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM). - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 12 dan 13).

DI DALAM



Muka 4

MAJUKAN industri tradisi Brunei menerusi 1K1P



Muka 6

MESYUARAT JPT bincang perkembangan Jambatan Sungai Pandaruan



PELITA BRUNEI keluaran hari ini menerbitkan Edisi Khas Sempena Sidang Kemuncak ASEAN 2013



ASEAN SUMMIT 2013 BRUNEI DARUSSALAM

2

HARI LAGI

Rujuk pihak autoriti, elak sebarang risiko

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil'alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah izin-Nya jua dapatlah kita mendengarkan lagi bacaan Al-Qur'an daripada qari dan qariah kita.

Membaca Al-Qur'an secara bertaranum atau berlagu adalah salah satu seni dalam Islam. Ia boleh membawa kekhusyukan dan kehebatan kepada pembaca dan juga pendengarnya.

Inilah kesan dari membaca Al-Qur'an itu. Membacanya dengan niat semata-mata kerana Allah akan memberikan ketenangan dan kebahagiaan. Ia juga adalah penawar atau ubat kepada rohani dan jasmani, insya-Allah.

Menyentuh mengenai dengan bacaan Al-Qur'an secara bertaranum ini, kerajaan beta melalui Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, telah membuka kelas khas bagi tujuan ini, seperti Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja, yang kini telah mula menampakkan hasilnya dengan penampilan para qari dan qariah muda yang baru.

Usaha ini bertujuan, untuk meramaikan lagi pakar-pakar qari dan qariah kita di dalam bidang pembacaan Al-Qur'an. Di bidang ini, kita turut selalu diundang untuk menyertai pertandingan-pertandingan membaca atau menghafaz Al-Qur'an di luar negara. Maka dengan ini, memang tepatlah pada waktunya kita mesti bersedia untuk memenuhi keperluan tersebut.

Selain itu, kita juga mustahak memahami, bahawa Al-Qur'an itu memiliki ciri-ciri tersendiri atau istimewa, sebagai sifatnya wahyu. Kerana itulah, apabila kita berurusan dengan Al-Qur'an, kita dikehendaki supaya memenuhi beberapa etika tertentu, seperti kalau membacanya, adalah dikehendaki supaya beradab dan bertartil. Begitu juga kalau menafsirnya, dikehendaki kita menafsir dengan ilmu (berdasarkan ilmu), bukan dengan semata-mata menggunakan akal.

Penafsir, perlu baginya mempunyai asas dalam ilmu tafsir dan ilmu hadis, yang diperolehi secara berguru, bukan dengan mengambil bulat-bulat daripada buku atau internet semata-mata. Adapun buku dan internet saja belum dianggap memadai, kerana kedua-duanya masih banyak yang tidak jelas atau yang tidak disebut langsung. Tetapi dengan berguru, perkara yang tidak jelas dan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1434 Hijrah / 2013 Masihi (Malam Ketiga) pada hari Khamis (Malam Jumaat), 8 Jamadilakhir 1434 bersamaan 18 April 2013, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

tidak disebut itu akan dihurai dan disebut oleh guru.

Inilah kepentingan berguru itu, ada keberkatan di situ. Berbeza dengan semata-mata bergantung kepada buku atau internet, orang boleh saja melakukan kesilapan atau keliru.

Brunei tidak pernah ketinggalan dalam perkara menghormati kebebasan bersuara dan menulis. Tetapi dalam pada itu, seperti juga di tempat-tempat lain, Brunei juga mempunyai undang-undang dan perlembagaannya. Di dalam perlembagaan ada termaktub: Aliran Ahli Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Syafi'e sebagai pegangan. Semua pihak dikehendaki untuk memahami perkara ini, tidak terkecuali juga pihak media.

Jika terdapat sebarang pandangan atau pendapat mengenai satu-satu perkara keagamaan, yang dianggap bercanggah dengan pandangan atau pendapat atau ketetapan rasmi kerajaan, maka ianya tidak wajar dengan sewenang-wenang disuarakan atau disiarkan, melainkan perlu terlebih dahulu dirujuk kepada pihak berkenaan (autoriti), untuk mendapatkan ulasan atau keputusan. Cara ini adalah teratur, untuk mengelakkan sebarang

risiko atau akibat-akibat yang tidak diingini.

Akhirnya dalam kesempatan ini, beta sukacita mengucapkan tahniah kepada semua peserta di dalam semua peringkat pertandingan. Kepada qari dan qariah yang menjuarai pertandingan dan seterusnya akan mewakili negara ke Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, beta berharap mereka itu akan dapat meningkatkan lagi mutu bacaan masing-masing.

Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalaamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.

"BRUNEI tidak pernah ketinggalan dalam perkara menghormati kebebasan bersuara dan menulis. Tetapi dalam pada itu, seperti juga di tempat-tempat lain, Brunei juga mempunyai undang-undang dan perlembagaannya."

Dari Sidang
Pengarang.

22 APRIL 2013 BERSAMAAN 1434 جمادى الآخرة 11

PERPADUAN MANIFESTASI KESEJAHTERAAN BERSAMA

DENGAN keluasan 4.5 juta persegi dan penduduknya berjumlah lebih 600 juta orang, ASEAN kini telah menikmati pelbagai perkembangan dan kemajuan sejak penubuhannya pada tahun 1967. Peranan ASEAN dalam menempuhi cabaran mendatang dan memenuhi ekspektasi masyarakat luar terhadap kestabilan rantau ini merupakan tanggungjawab yang harus digalas bersama.

Negara Brunei Darussalam sekali lagi mencatat sejarah penting apabila mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22. Selaku tuan rumah, kita amat bertuah dan mengalu-alukan kehadiran para pemimpin ASEAN untuk sama-sama membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa khususnya yang berkaitan dengan hal-ehwal ASEAN. Kejayaan negara selaku pengerusi dalam mengendalikan persidangan ini sudah tentu akan mengangkat imej negara di mata dunia.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Berakas baru-baru ini bagi meninjau secara lebih dekat lagi akan persiapan negara selaku tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN 2013 membuktikan keprihatinan baginda dalam memastikan kesediaan negara menjelang persidangan itu nanti.

Bertemakan 'Rakyat Kita, Masa Depan Kita Bersama' setentunya mempunyai signifikansi dengan peranan rakyat dalam ASEAN sejajar dengan pelan tindakan Komuniti ASEAN 2015 iaitu kerjasama bersepadu dalam bidang politik-keselamatan, ekonomi dan sosiobudaya. Persidangan seumpamanya juga jelas mencerminkan semangat perpaduan dan hubungan erat yang sedia terjalin dalam kalangan negara-negara anggota yang terlibat. Hal ini membuktikan bahawa dengan adanya perpaduan, aspirasi Komuniti ASEAN untuk menyejahterakan rakyatnya juga akan terlaksana.

Kitani bersyukur dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pembangunan negara terus giat dirancang dan dilaksanakan ke arah memastikan kesejahteraan setiap warga terjamin baik dari aspek moral, kebendaan dan kerohanian. Kitani selaku rakyat dan penduduk di negara ini perlu bersatu padu bagi melestarikannya kerana kita percaya tanpa perpaduan, pembangunan negara tidak mungkin tercapai.

Dalam konteks serantau dan antarabangsa, baginda juga turut melahirkan harapan agar persidangan ini akan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya. "Insya-Allah, kita akan menggunakan peluang terbaik ini untuk memanfaatkan peranan kita dari segi menyumbangkan kemaifan dan kesejahteraan serantau dan global."

"Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat". Adalah diharapkan persidangan 2013 kali ini akan dapat memperteguhkan lagi perpaduan negara-negara anggota ASEAN dalam mencapai kesepakatan dan menangani isu-isu antarabangsa demi kesejahteraan bersama.

- **Ketua Penyuntingan.**

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratiini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentyty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat
Pg. Arsul Pg. Haji Abd. Momin

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Gapor,
Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Hajah Norpisah Md. Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahrn Wan Ahmadi,
Haniza Abdul Latif

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Hatral Hazmi Abd. Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Raman Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C	25°C	32°C
MUARA		
33°C	25°C	33°C
PEKAN BANGAR		
32°C	25°C	32°C
PEKAN TUTONG		
32°C	25°C	32°C
PEKAN SERIA		
33°C	25°C	33°C
KUALA BELAIT		
33°C	25°C	33°C

Dumbar : Perkhidmatan Kaji-cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Perancangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1886/1551 atau Talian Cuaca : 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Golongan belia paksi kepada pembangunan berdaya tahan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Belia Komanwel Kali Ke-8.

PORT MORESBY, PAPUA NEW GUINEA, Jumaat, 19 April. - Dalam keadaan hubungan dunia yang saling berkaitan, Negara Brunei Darussalam melihat golongan belia adalah sebahagian daripada penyumbang kepada penyelesaian isu-isu yang dihadapi.

Kepentingan belia itu turut disentuh oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah pada Mesyuarat Menteri-Menteri Belia Komanwel Kali Ke-8 yang bermula 16 April lepas dan berakhir pada 19 April 2013.

Perasmian mesyuarat disempurnakan oleh Perdana Menteri Papua New Guinea, Yang Amat Berhormat Peter O'Neil. Majlis turut dihadiri oleh Menteri-Menteri Belia dan ketua-ketua rombongan dari 35 buah negara-negara Komanwel dan juga Setiausaha Agung Sekretariat Komanwel, Tuan Yang Terutama Kamallesh Sharma.

Mesyuarat bertemakan 'Golongan Belia Paksi Kepada Pembangunan

Berita dan Foto: Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Berdaya Tahan' dan dipengerusikan oleh Menteri Ugama, Belia dan Pembangunan Masyarakat, Papua New Guinea, Yang Berhormat Loujaya Toni.

Dalam perbincangan mengenai pentingnya peranan pendidikan dan kemahiran dalam menyumbang kepada peluang pekerjaan golongan belia, Yang Berhormat menekankan kepentingan menanamkan nilai-nilai disiplin, komitmen, etika dan sikap kerja yang positif dalam kalangan belia selain pendidikan dan kemahiran.

Yang Berhormat juga mengemukakan penumpuan terhadap keusahawanan dan pembangunan perusahaan golongan belia dalam mesyuarat kali ini dan seterusnya berharap akan mendapat bantuan teknikal daripada pihak Sekretariat Komanwel dalam pelaksanaan pembangunan keusahawanan dan perusahaan belia di Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai tema mesyuarat, Yang Berhormat berkata, tema tersebut selaras dengan keutamaan yang diberikan kepada peranan belia dalam pembangunan di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini, Yang Berhormat turut memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengan tema mesyuarat yang berbunyi "Golongan muda atau golongan belia itu mempunyai nilainya yang tersendiri untuk diambil manfaat oleh bangsa dan negara."

Belia adalah aset negara. Kerana itu, agenda pembinaan belia adalah amat penting untuk diberi fokus. Mereka yang dibangunkan itu akan menjadi cermin kepada corak kepimpinan masa

depan yang penuh dengan teka-teki.

Jika mereka baik, maka kita pun bolehlah tersenyum lega, tetapi jika mereka menjadi insan yang cair moral, maka akan merintihlah negara memikul bebannya."

Seterusnya dalam menyentuh mengenai saranan bagi keutamaan peruntukan diberikan untuk pembangunan belia, Yang Berhormat memaklumkan bahawa bertepatan sekali dengan saranan tersebut, tema bagi tahun kewangan 2013/2014 di Negara Brunei Darussalam adalah 'Belia Berwawasan, Pemangkin Pembangunan Yang Berdaya Tahan'.

Oleh itu, peruntukan yang besar telah disediakan bagi projek-projek yang berbentuk menyeluruh (*holistic*) untuk pembangunan kapasiti belia-belia Negara Brunei Darussalam

melalui pelbagai program pendidikan, kemahiran dan pembangunan belia.

Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai pendekatan 'Oleh Belia, Untuk Belia' yang diguna pakai dalam pelaksanaan program-program dan penyediaan kemudahan-kemudahan untuk golongan belia. Ini dilaksanakan melalui dialog bersama belia bagi mendapatkan maklum balas dan mengongsikan pandangan terhadap isu-isu yang merupakan kepentingan belia dan membincangkan sumbangan yang dapat mereka berikan untuk pembangunan negara.

Melalui dialog-dialog belia tersebut, jelas Yang Berhormat, ianya memberikan peluang interaksi kepada belia-belia untuk mengambil tanggungjawab yang besar dan komitmen bagi memikirkan masa depan mereka dan meningkatkan kapasiti dan daya saing mereka.

Ini, tegas Yang Berhormat, diha-

rapkan akan dapat menanamkan harga dan maruah diri, matlamat hidup untuk menyumbang kepada pembaikan diri mereka, keluarga, masyarakat, negara dan juga kepada pembangunan serantau dan antarabangsa.

Semasa mesyuarat ini, Menteri-Menteri Belia Komanwel juga membincangkan mengenai penubuhan Majlis Belia Komanwel dan Indeks Pembangunan Belia Komanwel yang mana merupakan antara perkara-perkara yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) tahun 2011.

Semasa menghadiri mesyuarat ini, Yang Berhormat juga sempat mengadakan perbincangan bersama Wakil Khas Belia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Ahmad Alhendawi yang antaranya membincangkan mengenai hal ehwal pembangunan belia dan peranan belia selaku paksi dalam pembangunan berdaya tahan.



MENTERI-MENTERI Belia Komanwel bergambar ramai sejurus sebelum mesyuarat berlangsung di Port Moresby, Papua New Guinea.

Persidangan Kebangsaan Alam Sekitar, Ekonomi Mapan 4 Jun 2013



PENGURUS Program (Brunei) Asia Inc. Forum, Delwin Keasberry semasa mempengerusikan sidang media mengenai Persidangan Kebangsaan Mengenai Alam Sekitar dan Ekonomi Mapan yang akan berlangsung di negara ini.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 April. - Persidangan Kebangsaan Mengenai Alam Sekitar dan Ekonomi Mapan akan diadakan pada 4 Jun ini bertempat di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong, di sini.

Persidangan Perdana dan Terbesar di Brunei Mengenai Ekonomi dan Alam Sekitar Mapan (National Environment Conference, Brunei's Premier and Largest Conference on Environmental and Economic Sustainability) tersebut akan menyediakan platform untuk melibatkan kerajaan dan sektor swasta mengenai isu-isu penjagaan alam sekitar dan ekonomi hijau untuk masa depan yang mapan.

Pengurus Program (Brunei) Asia Inc. Forum, Delwin Keasberry menyatakan perkara itu pada Sidang Media yang berlangsung di salah sebuah hotel di ibu negara.

Menurut Delwin Keasberry, tema persidangan pada tahun ini 'Responding to Climate Change: How Can Brunei Darussalam Make a Differen-

ce?' Ini akan memberikan tumpuan kepada isu-isu penting mengenai perubahan iklim dan bagaimana kita boleh mengubah masa kini dan masa hadapan dengan menggunakan pengetahuan dan teknologi.

Program ini, jelasnya, akan melihat isu-isu utama dan cabaran peranan teknologi dalam pembangunan yang mapan dan bagaimana anak-anak muda pada masa ini boleh membuat perubahan dan strategi praktikal untuk mengurangkan kesan karbon.

Persidangan ini, tambahnya, akan menampilkan penceramah dari Republik Indonesia, Republik Filipina, United Kingdom dan Australia yang akan berkongsi amalan terbaik dan memberikan pandangan untuk dipertimbangkan oleh negara ini.

Tiga penceramah dari luar negara akan diundang dalam persidangan tersebut ialah Tri Mumpuni dari Republik Indonesia, seorang Jurutera Pertanian; Pengarah Eksekutif Greenpeace, Asia Tenggara, Von Hernandez dan Pesuruhjaya Tinggi British

di Republik Singapura, Tuan David Vincent.

Sempena persidangan itu, tambahnya, ekspo hijau juga akan diadakan yang menghimpunkan pemimpin-pemimpin industri global dan tempatan serta orang ramai untuk bertemu, berkenalan, membuat rangkaian perniagaan, pertukaran barangan, perkhidmatan, pengetahuan dan pengalaman.

Katanya, ekspo hijau tahun ini bertujuan untuk mempamerkan sumber-sumber global untuk alam sekitar, tenaga, air, kitar semula, kehidupan yang mapan dan teknologi hijau.

Selain daripada itu, ekspo hijau ini juga bertujuan untuk membawa bersama pembeli celik dan pengusaha perniagaan Brunei yang bijak menjurus kepada tingkah laku pengguna yang mapan.

Menurut Delwin Keasberry sempena persidangan itu, Cabaran Satu Bilion Ringgit (One Billion Dollar Challenge) juga akan mengambil tempat untuk memberikan anak-anak muda di negara ini peluang dalam menyelesaikan masalah terbesar di dunia jika mereka diberikan satu bilion dolar yang akan diumumkan kemudian.

Jelasnya, persidangan alam sekitar kebangsaan anjuran Asia Inc. Forum dengan kerjasama Alcoa, HSBC serta disokong oleh Borneo Bulletin dan Media Permata itu merupakan satu platform bagi dialog antara peniaga, kerajaan dan pihak berkepentingan yang lain termasuk individu yang mengambil berat tentang alam sekitar dan berhasrat untuk membuat perbezaan.

Untuk maklumat dan pendaftaran bagi persidangan itu hubungi talian 2226555 atau e-mail conference@asiaincforum.com atau layari laman web www.asiaincforum.com.

Tingkatkan kemahiran ICT pelajar, belia



SEBAHAGIAN peserta yang mempersembahkan slaid mengenai perisian teknologi Microsoft di hadapan penonton.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 April. - Lebih 20 peserta terdiri daripada para pelajar dan belia menyertai Pertemuan 'MSDEVCOM' bagi menyediakan platform pengongsian pengetahuan khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Pertemuan sehari yang berlangsung di Pusat Inkubasi (iCentre), Berakas itu dikendalikan oleh iCentre dengan kerjasama Tech One dan Microsoft.

Pada pertemuan tersebut setiap peserta dikehendaki mempersem-

bahkan slaid mengenai perisian teknologi Microsoft di hadapan penonton.

Juga hadir ialah Pegawai-pegawai Kanan iCentre dan wakil dari Syarikat Microsoft Teknologi Sendirian Berhad.

Antara lain tujuan pertemuan yang julung kalinya diadakan ialah untuk meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar dan belia-belia ICT dalam teknologi utama Microsoft dan memberikan pendedahan kepada peserta untuk menerokai aplikasi, ciri-ciri dan fungsi teknologi Microsoft.

Majukan industri tradisi Brunei menerusi IKIP

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Khamis, 18 April. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) amat menggalakkan usaha pada peringkat akar umbi untuk mengembang majukan industri tradisi Brunei menerusi program Satu Produk Satu Kampung.

Ia menjadi sebahagian daripada kegiatan dalam program ekonomi kemasyarakatan oleh penduduk-penduduk secara berkumpulan di bawah payung Majlis Perundingan Kampung dan Majlis Perundingan Mukim iaitu Majlis-Majlis Perundingan Kampung dan Mukim yang mana sejumlah peruntukan kewangan telah disediakan setiap tahun untuk mendukung aktiviti-aktiviti program Satu Kampung Satu Produk yang mana produk industri tradisi adalah sebahagian daripadanya.

Perkara ini dijelaskan oleh tetamu kehormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dalam Majlis Perasmian Pameran dan Seminar Industri Tradisi Brunei yang bertemakan 'Industri Halal, Suci dan Bersih' anjuran Akademi Pengajian Brunei dan dikelola oleh mahasiswa/mahasiswi PB-3403 Industri Tradisi Brunei 2013 yang berlangsung di Dewan Kompleks Serampang, Tutong.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat turut melahirkan rasa gembira apabila mengetahui acara pameran dan seminar ini adalah usaha mahasiswa Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam yang mengikuti modul kursus PB-3403, iaitu Industri Tradisi Brunei dan ini

bermakna mereka berusaha untuk memasyarakatkan pengetahuan dan hasil pengajian mereka menerusi pameran dan seminar mengenai Industri Tradisi Brunei.

Dengan cara itu, jelas Yang Berhormat, mereka merupakan generasi penerus negara ini yang akan dapat membantu mempromosikan industri tradisi Brunei dan dalam waktu yang sama peserta seminar dan pengunjung pameran akan dapat berkongsi pengetahuan, pengalaman dan menguji atau menilai relevansi sesuatu pemikiran untuk menghuraikan sebarang permasalahan sekitar industri tradisi Brunei khasnya ke arah mengembangmajukannya menjadi sebahagian komponen industri negara.

"Dalam makna mengembangmajukan industri tradisi Brunei, KHEDN tidak setakat memilih pendekatan menghidupkan semula mana-mana jenis produk industri tradisi bahkan akan juga berusaha menaikkan taraf dan nilainya. Cuma usaha menaikkan taraf dan nilai itu memerlukan kemahiran peringkat pakar atau separuh pakar yang mana pada masa ini sedang cuba didapatkan," terang Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, apabila tenaga berkepakaran dalam mengembangmajukan produk tradisi diperolehi, insya-Allah dan mudahmudahan dengan berkat usaha gigih pihak berkenaan di kementerian, maka taraf dan nilai produk industri tradisi yang menjadi sebahagian program IKIP akan dapat diangkat dan menyumbang kepada kemajuan industri negara.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat juga menjangkakan bahawa

aspek penaikan taraf dan nilai industri tradisi Brunei itu adalah turut sama dipelajari dan dikaji dalam modul kursus PB-3403.

Menurut Yang Berhormat dengan cara itu mahasiswa yang mengikutinya akan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan bagi memungkinkan mereka mengembangkan kerjaya mereka pada masa hadapan sebagai tenaga pakar bidang industri tradisi.

Industri tradisi negara, ujar Yang Berhormat, memerlukan pemikiran kreatif dan inovatif, setakat mengalkannya dalam makna untuk menjaminnya kekal ujud, tidak pupus dan kekal menjadi kebanggaan bukanlah pendekatan yang sempurna.

"Pemikiran kreatif dan inovatif itulah sebenarnya yang berpengaruh dalam usaha menaik taraf mengangkat nilai produk industri tradisi itu," jelas Yang Berhormat.

Majlis diserikan dengan persembahan tarian tradisi Brunei, seminar dan pameran kajian daripada sembilan mahasiswa/mahasiswi PB-3403 Industri Tradisi Brunei 2013.

Tajuk-tajuk kajian bagi setiap mahasiswa/mahasiswi adalah berdasarkan sesuatu yang merupakan perusahaan/industri tradisi Brunei dimana industri-industri yang dipamerkan ialah Ternakan; Industri Ayam Petelor, Industri Ayam Pedaging, Industri Ternakan Kambing Pedaging, Industri Ternakan Kambing Tenusu, Industri Bekara, Pertanian Industri; Pisang, Industri Gula Gelagah, Industri Perubatan Tradisional Herba dan dan Hiburan; Industri Tarian Asli.

Matlamat utama pameran ialah untuk membantu Industri Tradisi Brunei agar mampu bertahan dan berkembang maju dalam era globalisasi, di samping memberikan latihan kepada mahasiswa agar dapat



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyaksikan pameran kajian daripada mahasiswa dan mahasiswi PB-3403 mengenai Industri Tradisi Brunei 2013.

mengendalikan dan menguruskan serta menyebarkan maklumat dari segi ilmu pengetahuan, berkemahiran dan mempunyai nilai profesional yang terdapat daripada hasil kajian ini.

Menerusi pameran dan seminar yang berjalan selama tiga hari bermula hari ini sehingga 21 April diharapkan dapat menarik minat dan menjadi pendorong kepada masyarakat untuk lebih mengetahui dan memahami perindustrian-perindustrian yang terdapat di negara ini.

Pameran dan Seminar Industri merupakan usaha penting APB dalam rangka mendidik para pelajar untuk lebih bertanggungjawab terhadap masyarakat Brunei yang mana mereka tidak hanya diwajibkan melaksanakan

kajian-kajian malah diwajibkan berkongsi pengetahuan dengan membergikan perolehan-perolehan kajian mereka kepada masyarakat.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimulihkan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji Muhammad Taha Abdul Rauf, Pegawai Daerah Tutong, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong serta mahasiswa.

Tempat letak kereta LTAB baru memuat lebih 600 kenderaan

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 April. - Tempat letak kereta di Lapangan Antarabangsa Antarabangsa Brunei (LTAB) yang baru dibuka awal bulan ini boleh memuatkan lebih 600 buah kereta dalam satu masa tetapi orang ramai, pengguna dan pengunjung masih belum menggunakan sepenuhnya.

Menurut Pemangku Pengarah Penerbangan Awam, Pengiran Adnan bin Pengiran Badarudin pada Sidang Media di Bilik Mesyuarat Assura di sini, kemudahan letak kereta yang baru itu juga disediakan dengan tempat letak kereta yang beratap sebanyak 324 petak dan selebihnya tidak beratap dengan kos bayaran yang sama 50 sen setiap setengah jam.

Katanya, letak kereta yang dikenali sebagai Letak Kereta P1 itu juga disediakan letak kereta premium, biasa, taksi, bas awam dan kereta *handicap* (orang berkeperluan khas), selain laluan troli dan laluan pejalan kaki.

"Letak Kereta P1 juga dekat dengan ruang berlepas dan menunggu akan tetapi bagi letak kereta premium bayaran adalah BND1 setiap satu

jam serta akan dikawal oleh pegawai keselamatan yang ditugaskan di mana keberadaan kereta akan terjamin," jelasnya.

Tambahnya, ketika orang ramai mula masuk ke P1 akan tertera nombor bilangan letak kereta yang masih kosong dan yang sudah diisi, sekiranya semuanya penuh para pengguna bolehlah menggunakan Letak Kereta P2 yang terletak di sebelah kiri dengan kadar bayaran yang sama namun tempat Letak Kereta P2 tidak beratap.

Katanya, P2 ialah tempat letak kereta yang sedikit masa lagi akan diubahsuai bagi mencantikkannya, ketika ini masih boleh digunakan oleh orang ramai.

Jelasnya, P2 juga dikhususkan bagi tempat letak kereta jangka masa panjang dan bermusim yang juga boleh memuatkan 600 buah kereta.

"Kadar bayaran bagi jangka masa panjang dan bermusim ialah BND30 bagi satu minggu, BND50 untuk dua minggu, BND60 bagi tiga minggu dan BND80 bagi masa sebulan malah di P2 juga ada kemudahan letak kereta bagi khidmat sewa kereta, bas pelancong dan bas hotel," ujarnya.

Pada penghujung bulan Mei nanti laluan penghantar penumpang ke kaunter *check in* akan ditutup dan kereta yang akan menghantar penumpang akan dilencongkan ke laluan baru yang lebih dekat dengan Letak Kereta P1 dan para penumpang akan boleh menggunakan lorong khas yang disediakan untuk menuju ke kaunter *check in*.

Jika kerja-kerja pengubahsuaian siap sepenuhnya, ujarnya, para penumpang akan lebih mudah dan dekat mengunjungi kaunter *check in* dari tempat Letak Kereta P1 tetapi bagi penumpang yang baru tiba tidak akan berubah, masih seperti biasa hanya mereka yang menjemput akan lebih mudah meletakkan kereta di P1.

Oleh itu, beliau menyeru kepada semua pengguna tempat letak kereta, (orang ramai dan pengunjung) LTAB supaya memberikan kerjasama dengan mematuhi arahan papan tanda yang disediakan bagi melicinkan laluan keluar masuk menghantar dan mengambil penumpang dengan menggunakan letak kereta yang disediakan.

Dialog tingkat kewaspadaan pengguna jalan raya



PENGARAH Pengangkutan Darat, Awang Haji Khalid bin Haji Mustafa (tiga dari kiri) berucap di Sesi Dialog bersama para pegawai Kementerian Perhubungan.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 April. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) mengadakan sesi dialog bersama ahli-ahli Persekutuan Pengangkutan dan Pemunggaan Brunei Darussalam sebagai langkah meningkatkan kewaspadaan para pengguna di jalan raya.

Sesi perjumpaan tersebut lebih tertumpu kepada pelaksanaan sistem mata demerit yang diperkenalkan oleh JPD.

Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Khalid bin Haji Mustafa dalam ucapannya antara lain berkata, sejak sistem mata demerit tersebut diperkenalkan masih banyak pemandu yang tidak faham mengenainya.

Oleh itu, katanya, setiap pemandu perlu mengetahui isi kandungan mata demerit tersebut kerana peraturan ini perlu diketahui dan difahami.

Sementara itu, Pegawai Pengangkutan Darat, Awang Haji Mohd. Isa bin Haji Ibrahim dalam taklimatnya menerangkan bahawa sistem tersebut merupakan satu sistem yang mana mata demerit akan diberikan kepada pemandu yang melanggar peraturan lalu lintas dan jalan raya yang boleh membawa kepada penggantungan atau

pembatalan lesen memandu tertakluk kepada berat kesalahan yang dilakukan.

Sistem ini, terangnya, memerlukan pesalah-pesalah lalu lintas untuk menjalani ujian semula dan lulus ujian teori dan amali sekiranya lesen pemandu pesalah tersebut digantung dari memandu untuk kali ketiga.

Sistem ini, jelasnya, membenarkan pemandu mengumpul kurang daripada 24 mata maksima dalam tempoh 24 bulan sebelum dijatuhkan penggantungan dan jika pemandu telah digantung lesen memandu, pemandu berkenaan hanya dibenarkan mengumpul kurang daripada 12 mata maksima dalam tempoh 12 bulan seterusnya.

Penggantungan pertama adalah bagi tempoh tiga bulan dan penggantungan seterusnya enam bulan, manakala penggantungan kali ketiga lesen pemandu akan dibatalkan untuk satu tahun.

Sistem mata demerit dibahagikan kepada lapan kategori yang membawa mata demerit 3, 4, 6, 8, 9, 12, 18 dan 24 mengikut berat kesalahan yang dilakukan yang mana setiap kategori mengandungi kesalahan-kesalahan lalu lintas yang menekankan pada sikap pemandu.

Sistem mata demerit yang diperkenalkan ini antara lain bertujuan untuk memastikan pemandu di negara ini memandu kenderaan dengan lebih berdisiplin, berhati-hati dan mematuhi setiap peraturan lalu lintas yang ada.



PEMANGKU Pengarah Penerbangan Awam, Pengiran Adnan bin Pengiran Badarudin semasa memberikan Sidang Media mengenai letak kereta di LTAB.

Pendidikan holistik jadi aspirasi SPN21

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 April. - Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman berkata dalam era globalisasi ini perkembangan pendidikan di negara ini bukan sahaja setakat menitikberatkan bidang akademik tetapi juga penekanan terhadap kesempurnaan pembangunan insan.

Dengan kata lain, katanya, pendidikan secara holistik adalah menjadi satu keperluan dan ia merupakan satu pendekatan yang menjadi aspirasi Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

Dr. Haji Junaidi menjelaskan demikian semasa melancarkan Sesi Kongsisama Teknik Berkesan Menangani Isu/Masalah Sosial di Sekolah dan Kongsisama Amalan Terbaik bagi Membantu Pelajar Tahun 6 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Rimba

II, di sini.

"Kita semua menyedari bahawa isu sosial perlu ditangani di peringkat awal persekolahan agar ianya tidak menular dan menjejaskan keharmonian hidup bermasyarakat yang sudah kita amalkan sejak sekian lama," tegasnya.

Di samping itu, ujarnya, pendekatan ini juga menjadi satu kemestian dalam usaha dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk membentuk generasi pelapis yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi serta mempunyai keperibadian dan akhlak yang mulia sebagai harapan kita semua untuk menjamin masa depan negara dan bangsa.

Jelasnya, di sinilah antara lain peranan penting seseorang kaunselor atau guru bimbingan iaitu untuk sama-sama memastikan bahawa proses pembelajaran itu benar-benar menepati sasarannya demi mencapai

hasrat ini.

Beliau memaklumkan bahawa usaha untuk meningkatkan pencapaian pelajar pada peringkat rendah sedang giat dilaksanakan melalui beberapa program bimbingan dan pengayaan bukan sahaja bagi pelajar-pelajar di Tahun Enam, malah pada peringkat lebih rendah lagi.

Tambahnya, kita menyedari bahawa segala usaha peningkatan pencapaian pelajar seharusnya dimulakan pada peringkat awal lagi agar kelemahan pelajar dapat dikenal pasti dan ditangani sepenuhnya melalui pendekatan-pendekatan tertentu sebelum ia menjadi berlarutan dan mejejaskan pembelajaran dan pencapaian pelajar-pelajar berkenaan.

Majlis itu juga diisikan dengan pembentangan kongsi sama dari Zon Brunei III bertajuk 'Program Masih Ada Yang Sayang', pembentangan dari Zon Brunei II (A) bertajuk 'Bersihnya Kelasku' dan pembentangan dari Zon Belait bertajuk 'Self Heed in Numeracy Excellence' (SHINE).

Kongsisama anjuran Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan ini akan berjalan mengikut tarikh-tarikh yang telah disusun sehingga bulan September nanti.

Tujuan utama program ini adalah untuk berkongsi sama teknik/kaedah memberikan bantuan dan bimbingan kepada pelajar-pelajar Peperiksaan Sekolah Rendah sama ada yang telah/sedang atau akan dilaksanakan, di samping berkongsi sama dalam memahami, mengenal punca serta menangani isu/masalah yang dihadapi di sekolah rendah.

Selain itu, kongsi sama juga bertujuan untuk menyediakan perbincangan dan perkongsian maklumat sesama peserta serta mencari penyelesaian dan merumuskan cara yang terbaik bagi menangani isu/masalah.

Di samping itu, kongsi sama juga menumpukan perbincangan kepada isu-isu yang dihadapi di sekolah rendah serta cara mengatasi isu berkenaan bagi mewujudkan kesedaran warga



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman menyampaikan ucapan serta melancarkan Sesi Kongsisama Teknik Berkesan Menangani Isu/Masalah Sosial di Sekolah dan Kongsisama Amalan Terbaik bagi Membantu Pelajar Tahun 6.

sekolah khususnya serta menghindari masyarakat amnya dari terlibat dengan tingkah laku yang negatif.

Peserta Kursus 'VVIP Close Protection' terima sijil



PENGARAH Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei, SAC Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam, selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan sijil Kursus 'VVIP Close Protection'.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 April. - Jabatan Gerakan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengunyahkayahkan Kursus 'VVIP Close Protection' yang dibahagikan kepada dua fasa.

Fasa 1 bermula pada 11 Mac 2013 hingga 29 Mac 2013 (selama tiga minggu), manakala Fasa 2 telah diadakan bermula 1 April hingga 19 April lalu juga selama tiga minggu.

Sehubungan itu telah berlangsung Majlis Penyampaian Sijil Tamat Kursus yang diadakan di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis Gadong dan dihadiri oleh Pengarah Jabatan Gerakan, PDB, SAC Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam, selaku tetamu kehormat majlis.

Seramai 80 pegawai PDB iaitu 40 yang menyertai Fasa 1 dan 40 orang bagi Fasa 2 menerima sijil kursus masing-masing daripada tetamu kehormat majlis.

Kursus telah dikendalikan oleh tenaga pengajar dari luar negara iaitu daripada International School For Security & Explosives Education United Kingdom (UK) iaitu sebuah organisasi komersial yang pakar dalam bidang keselamatan seperti hal pengiringan peribadi, kawalan taktikal dan bahan letupan dan ia juga diiktiraf oleh The City & Guilds Institute of London.

Di samping itu, kursus juga adalah sebagai kursus lanjutan bagi pegawai-

pegawai yang akan menjalankan tugas sebagai Personel Protection Officer (PPO) bagi VVIP dari luar negara yang membuat lawatan rasmi ke Negara Brunei Darussalam.

Kursus adalah bertujuan ke arah persiapan dari segi keselamatan terutamanya bagi menghadapi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 yang akan diadakan pada April ini yang mana Negara Brunei Darussalam menjadi pengerusi sidang ini nanti, di samping sebagai persediaan masa akan datang sekiranya pegawai ini diperlukan.

Antara objektifnya adalah bagi menambah dan meningkatkan lagi pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada dari segi teori dan praktikal selain menguji diri dari aspek semua tindakan hal-hal keselamatan dan mengetahui pencapaian diri daripada tugas-tugas yang dijalankan.

Pada masa yang sama, kursus juga adalah bagi meningkatkan kemahiran dari hal teknik dan cara tindakan dari segi praktikalnya termasuk meningkatkan lagi keyakinan dan jati diri terhadap tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

Sejajar dengan perancangan yang dibuat oleh PDB, hal-hal tugas keselamatan secara amnya akan meningkatkan tugas-tugas keselamatan di Negara Brunei Darussalam yang setaraf dengan negara-negara luar lain dan mampu meningkatkan lagi kepercayaan orang luar.

Dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai Balai



PEMANGKU Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Haji Japar bin Haji Tahir menyematkan tanda pangkat kepada Penolong Pegawai Balai, Awang Haji Munap bin Haji Maidin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 April. - Seramai 28 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat

(JBP) menerima tanda pangkat masing-masing selepas dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai

Oleh:

Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

Balai.

Majlis yang berlangsung di Mes Pegawai Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat itu disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Haji Japar bin Haji Tahir.

Daripada jumlah yang dinaikkan pangkat tersebut seramai 26 anggota merupakan ahli bomba kanan lelaki, seorang ahli bomba wanita dan seorang ahli bomba kelas satu.

Majlis penyampaian tanda pangkat tersebut turut disaksikan oleh pegawai-pegawai dan anggota serta kakitangan JBP.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Ketua Guru Agama, JBP, Awang Haji Adanan bin Haji Ahmad.

Taklimat dan Kursus Ulang Kaji bagi pegawai Imigresen

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 April. - Seramai 20 pegawai imigresen yang bertugas di beberapa pos-pos kawalan yang terpilih telah menghadiri Taklimat dan Kursus Ulang Kaji yang dianjurkan sendiri oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK).

Ini telah diadakan selama dua hari yang bermula pada hari Rabu, 17 April hingga hari Khamis, 18 April 2013 di Bilik Serbaguna, Ibu Pejabat JIPK.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi Majlis Penyampaian Sijil Tamat Kursus Ulang Kaji ialah Pemangku Timbalan Pengarah Pendaftaran

Kebangsaan, Dayang Liza Suriani binti Haji Ibrahim.

Para penceramah taklimat dan Kursus Ulang Kaji tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai kanan daripada jabatan berkenaan.

Antara tajuk-tajuk taklimat kursus yang dimuatkan adalah seperti 'Detection of Forged and Counterfeit Documents, Imposter, Passenger Assessment, Frontline Officer/Body Language dan Awareness'.

Kursus-kursus tersebut bukanlah sesuatu yang baru malah ianya merupakan aktiviti tahunan yang di kendalikan oleh Bahagian Penyelidikan, Per-

kembangan dan Komputer, JIPK.

Tujuan utama adalah bagi memberikan kemahiran kepada pegawai-pegawai imigresen dan menambah pengetahuan terhadap perkembangan semasa yang berkaitan dengan isu-isu keselamatan sempadan dan yang berkaitan dengannya. Lebih-lebih lagi Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi ASEAN SUMMIT 2013.

Kursus yang sama juga akan diadakan pada 23 hingga 24 April 2013 di Ibu Pejabat JIPK dan pada 29 hingga 30 April 2013 di Pejabat Cawangan Kuala Belait.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Pendaftaran Kebangsaan, Dayang Liza Suriani binti Haji Ibrahim bergambar ramai bersama para pegawai imigresen dalam Majlis Penyampaian Sijil Tamat Kursus Ulang Kaji. - Foto : Ihsan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Mesyuarat JPT bincang perkembangan Jambatan Sungai Pandaruan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Sabtu, 13 April. - Mesyuarat Joint Project Team (JPT) Ke-7 bagi Projek Cadangan Pembinaan Jambatan Menyeberangi Sungai Pandaruan antara lain memperakui hasil dan keputusan Mesyuarat Bridge Management Committee (BMC) Kali Ke-2 dan perbincangan awal mengenai persiapan pembukaan rasmi jambatan berkenaan.

Mesyuarat yang dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohamad Yusof dan Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Himmat Singh itu diadakan di Dewan

Muafakat, bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar, di sini.

Dalam pendekatan bersama media, Awang Abdul Mutalib menjelaskan mesyuarat juga melihat perkembangan pengurusan jambatan sebelum dan selepas siap dibina.

Katanya, di sebalik terdapatnya beberapa penangguhan dalam pelaksanaan projek berkenaan namun sasaran tarikh siap pembinaan jambatan tersebut masih seperti yang dijadualkan iaitu pada bulan Ogos 2013 setelah beberapa isu penangguhan tersebut berjaya ditangani bersama.

Mesyuarat tersebut merupakan kesinambungan daripada mesyuarat-mesyuarat lalu yang diadakan pada bulan September 2012 di Kementerian Kerja

Raya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Sejurus selepas mesyuarat, delegasi membuat lawatan kerja ke tapak projek di Sungai Pandaruan bagi meninjau lebih dekat lagi status pembinaannya.

Lawatan tersebut akan memberi peluang kepada kedua-dua belah pihak meningkatkan perspektif mereka dan akan membuat perbincangan tidak rasmi di tapak pembinaan dengan pihak kontraktor dan pengurus projek.

Kos pembinaan jambatan jenis *pre-cast concrete* sepanjang 189 meter mempunyai lebar 14 meter iaitu dua lorong-dua hala yang bermula pada bulan Mei 2012 dan dijangka siap kira-kira 15 bulan (pada pertengahan bulan Ogos 2013) itu dikongsi oleh kedua-dua buah kerajaan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohamad Yusof dan Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Himmat Singh semasa membuat lawatan ke tapak Projek Pembinaan Jambatan Menyeberangi Sungai Pandaruan sejurus selepas mempengerusikan Mesyuarat Joint Project Team (JPT) Ke-7 bagi projek berkenaan.

Mulakan FPC sebagai persiapan ADMM-Plus

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 April. - Delegasi dari negara-negara anggota ASEAN yang menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus) mengadakan Persidangan Perancangan Akhir (Final Planning Conference-FPC) bagi Eksesais ADMM-Plus Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (Humanitarian Assistance and Disaster Relief-HADR) dan Perubatan Tentera (MM) yang berlangsung di salah sebuah hotel di Gadong, di sini.

Perwakilan dari anggota ASEAN bersama rakan-rakan dialog dari Australia, Republik Rakyat China, India, Jepun, Republik Korea, New Zealand, Rusia dan Amerika Syarikat memulakan FPC dalam persediaan Eksesais ADMM-Plus HADR/MM yang akan diadakan buat pertama kalinya di negara ini pada 17 hingga 20 Jun nanti.

FPC itu akan memutuskan persiapan logistik dan pentadbiran, menyatukan kertas kerja latihan dan dokumen peserta-peserta latihan yang dicalonkan oleh negara masing-masing yang diikuti dengan sesi perbincangan secara berkumpulan bagi semua negara ADMM-Plus yang berkaitan dengan penyatuan dari FPC dan persiapan bagi lawatan-lawatan ke kawasan

tapak-tapak latihan.

Sebelum FPC diadakan, Mesyuarat Jawatankuasa Pandu yang juga dipengerusikan oleh Pemerintah Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah diadakan di sebelah pagi, dengan kehadiran ahli-ahli Jawatankuasa Pandu utama dari Viet Nam dan Republik Rakyat China, Republik Singapura dan Jepun yang juga selaku Pengerusi Bersama daripada Kumpulan Kerja Pakar Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN Plus Eksesais Bantuan Kemanusiaan dan Bencana serta Perubatan Ketenteraan masing-masing.

Lawatan-lawatan ke kawasan tapak-tapak latihan dan perbincangan-perbincangan kumpulan kerja juga akan dikendalikan pada minggu ini sebelum pembentangan akhir kertas kerja daripada setiap kumpulan kerja semasa sesi penutupan Khamis nanti.

Sementara itu, Persidangan Latihan Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (AXH Ke-2) akan berlangsung Jumaat depan iaitu satu eksesais yang mana Negara Brunei Darussalam juga akan menjadi tuan rumah dengan usaha sama Republik Singapura yang akan dikendalikan secara *back-to-back* dengan Eksesais ADMM-Plus HADR/MM pada 16

Jun akan datang.

Eksesais ADMM-Plus HADR dan MM akan menjadi eksesais yang pertama di bawah mekanisme ADMM-Plus sebagai demonstrasi yang kukuh bagi kerjasama praktikal. Eksesais tersebut juga akan diadakan secara *back-to-back* dengan Eksesais Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Tentera-Tentera ASEAN Ke-2 yang mana kedua-dua eksesais tersebut adalah hasil utama bagi Pengerusi ADMM dan ADMM-Plus di Negara Brunei Darussalam tahun ini.

Dalam pembukaan rasmi persidangan tersebut, Pemerintah Angkatan Bersama (ABDB), Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit dalam ulasannya menjelaskan, FPC amat penting kepada semua peserta daripada 18 buah negara bagi mengesahkan semua butiran latihan.

Beliau menerangkan banyak kemajuan telah dicapai sejak Persidangan Perancangan Pertengahan di Republik Singapura pada bulan Januari lepas dengan penubuhan pelbagai kumpulan kerja yang berjaya melanjutkan dan menghalusi semua butiran perancangan latihan.

Ketika FPC untuk latihan, jelasnya, adalah penting bagi semua pihak untuk mengukuhkan maklumat utama mengenai eksesais tersebut seperti sumbangan aset dan kakitangan, reka bentuk latihan secara keseluruhan dan organisasi serta semua pelan sokongan termasuk Pelan Logistik Sokongan, Penerangan Komunikasi Sistem Pelan, Pelan Media, dan Pelan Keselamatan Latihan.

Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz juga menggesa semua kumpulan kerja untuk mengambil peluang bekerjasama untuk beberapa hari akan datang, di samping terus membina semua pertimbangan perancangan serta dapat menyelesaikan semua butiran untuk kejayaan pelaksanaan latihan.

Beliau penuh yakin bahawa pelbagai kumpulan kerja akan bekerja bersama-sama dalam semangat berpasukan yang baik untuk mencapai sasaran FPC ini.

Plastik beri kesan buruk terhadap alam sekitar

Oleh : Aimi Sani, Po Yih Kim @ Anjelin Po
Foto : Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Sabtu, 17 April. - Yayasan Asia-Eropah (ASEF) bersama sukarelawan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Kelab Amal, Akademi Kreatif Naratif Dramatik Sastera dan Sains (Creative Academy of Narrative and Dramatic Arts and Sciences - CANDAS), Green Brunei dan Fitness Zone Health Club melancarkan perasmian pertukaran beg kitar semula di negara ini, berlangsung di Inspiring Hall, Student Centre, UBD, di sini.

Aktiviti yang merupakan sumbangan ASEF itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesan buruk plastik terhadap alam sekitar. Semua penganjur pertukaran beg kitar semula ini merupakan para peserta Universiti ASEF Kali Ke-18 (AU18) yang mengambil tempat pada Ogos 2012 di Tartu, Estonia.

Universiti ASEF menawarkan peluang kepada pelajar-pelajar profesional yang berbakat untuk

meneroka isu-isu semasa dalam pelbagai bidang melalui program ceramah dan aktiviti interaktif.

AU18 bertujuan untuk merangsang dialog antara belia Asia, Eropah dan penduduk Tartu dengan tema 'Pengguna Sedar Terhadap Alam Sekitar Mapan' (Conscious Consumers for Environment Sustainability).

Melalui pertukaran beg kitar semula Asia-Eropah ini, ASEF berhasrat dapat menjangkau ke 49 buah negara Ahli Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM).

ASEF menggalakkan persefahaman yang lebih baik di antara Asia dan Eropah melalui pertukaran intelektual, budaya dan masyarakat.

Lebih 17,000 peserta terlibat dalam ASEF melalui 600 projek di dalam urus takbir dan hak asasi manusia, ekonomi dan masyarakat, pembangunan dan alam sekitar yang mapan, kesihatan awam, seni dan budaya serta kerjasama dan pendidikan.



YAYASAN Asia-Eropah bersama sukarelawan Universiti Brunei Darussalam dan Kelab Amal, Akademi Kreatif Naratif Dramatik Sastera dan Sains, Green Brunei dan Fitness Zone Health Club bergambar ramai semasa melancarkan perasmian pertukaran beg kitar semula.



MESYUARAT Final Planning Conference (FPC) dipengerusikan oleh Pemerintah Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

'Speak it Right' tingkat keupayaan bahasa Inggeris



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Dalam hubungan itu, sebagai usaha untuk menyediakan platform untuk para pelajar meningkatkan kemahiran komunikasi lisan mereka, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Kelab Bahasa Inggerisnya telah mengambil inisiatif menganjurkan program 'Speak It Right', berlangsung di Mini Teatre KUPU SB, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program itu ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim.

Pada program tersebut, beberapa persembahan drama, nasyid termasuk forum dalam bahasa Inggeris dijayakan oleh para pelajar yang menyertainya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Hajah Masnon menjelaskan bahawa bahasa Inggeris tidak dinafikan merupakan bahasa antarabangsa yang paling banyak diguna pakai untuk tujuan komunikasi pada hari ini.

Mahir dalam dwibahasa atau pelbagai bahasa, jelasnya adalah satu kelebihan dan merupakan aset yang

perlu diperolehi bagi kalangan para pendidik yang berkualiti di era masa kini.

Dalam hubungan ini, katanya, para guru agama juga perlu menyedari untuk memperhebatkan usaha-usaha mereka dan cuba menjadi penyampai bahasa Inggeris yang kompeten.

Kefahaman, penghayatan dan penguasaan kemahiran berkomunikasi secara lisan dalam bahasa Inggeris, jelas Dr. Hajah Masnon, akan membantu guru-guru agama dalam memberikan sumbangan dan kesan positif dalam bidang ilmu dan perkembangan tempatan dan global.

Menyentuh mengenai program tersebut, Dr. Hajah Masnon berharap agar kegembiraan dan kehairahan para pelajar tidak akan berhenti di situ sahaja tetapi terus berkembang pada setiap masa.


Pembelajaran dan penggunaan bahasa Inggeris, tambahnya, adalah pendidikan sepanjang hayat dan untuk itu para pelajar disaran agar sentiasa bersemangat dan berinspirasi untuk

meningkatkan keupayaan bercakap dengan betul serta membina keyakinan di mana saja berada.

Dr. Hajah Masnon turut menggesa Pusat Bahasa untuk menggembeng sumber dan menjadi lebih proaktif dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti yang mencabar pada masa akan datang.

Program 'Speak it Right' antara lain

bertujuan mempamerkan potensi serta keupayaan para pelajar dalam berinteraksi dan terlibat dalam konteks komunikasi dalam bahasa Inggeris, di samping meningkatkan kemahiran oral pelajar dalam beberapa aktiviti bahasa, di samping membina serta memupuk keyakinan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris antara satu sama lain.



PERSEMBAHAN Forum dalam Bahasa Inggeris bertajuk "Inspired by Rasulullah S.A.W" disampaikan oleh siswazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Pengambilan Tahun 2011 (SMPU 11) sebagai satu platform untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi secara lisan.

RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Ustazah Dr Hajah Masnon binti Haji Ibrahim menyampaikan ucapan beliau pada acara "Speak It Right" anjuran Pusat Bahasa KUPU SB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 April. - Bahasa Inggeris seperti yang diketahui merupakan bahasa antarabangsa yang penting untuk berkomunikasi malah ia juga aset paling mustahak yang perlu dipelajari oleh generasi muda dalam era globalisasi masa kini.

Kursus Induksi bagi pemohon taraf kebangsaan

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 April. - Seramai 655 orang yang layak memohon taraf kebangsaan menghadiri Kursus Induksi Bagi Calon-calon Bakal Menduduki Ujian Bahasa Melayu Secara Bertulis Ke-37 di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat di sini.

Pemangku Timbalan Pengarah Pendaftaran Kebangsaan, Dayang Liza Suriani binti Haji Ibrahim berkata sesi itu bukan sahaja bagi persediaan menghadapi ujian Bahasa Melayu untuk peperiksaan atau mendapat taraf kebangsaan semata-mata bahkan ianya berguna bagi setiap individu sendiri mempelajari dan memahami kehidupan seharian selaku penduduk di negara ini.

Beliau turut menyarankan kepada para pemohon supaya mengambil perhatian dan gunakan manfaat yang berharga pada sesi taklimat untuk menimba serta meningkatkan lagi ilmu pengetahuan yang sedia ada.

Antara yang menyampaikan takli-



TAKLIMAT oleh wakil Jabatan Adat Istiadat Negara.

mat pagi tadi ialah wakil-wakil dari Jabatan Adat Istiadat Negara dan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Manakala bagi sesi petang para peserta akan mendengarkan taklimat masing-masing dari wakil Kementerian Pendidikan dan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kedua-dua taklimat itu sebagai salah satu inisiatif, perancangan serta matlamat jabatan tersebut yang antara lain bertujuan untuk memberikan mak-

lumat dan pengetahuan yang lebih mendalam serta pemahaman yang lebih meluas kepada calon-calon yang akan menduduki Ujian Bahasa Melayu secara bertulis terutama mengenai cara hidup bermasyarakat dan bernegara di negara ini dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

Terdahulu dari itu para peserta dan hadirin menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' sebagai menyuntik semangat patriotik sebelum bermulanya sesi taklimat.



SEBAHAGIAN pemohon yang layak memohon taraf kebangsaan ketika menghadiri Kursus Induksi Ke-37.

Kokurikulum JPI diselenggarakan lebih terarah

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin



KETUA Bahagian Kokurikulum, Awang Haidi Sewardi semasa memberikan penerangan mengenai aktiviti kokurikulum JPI.

TUTONG, Rabu, 17 April. - Seramai 70 pengetua dan guru besar dari Sekolah Arab Belait dan Ma'had Islam Brunei menghadiri Jerayawara Perlaksanaan Aktiviti Kokurikulum, Bahagian Kokurikulum Jabatan Pengajian Islam (JPI) Tahun 1434 Hijriah/2013 Masihi, bertempat di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, di sini.

Majlis pada pagi itu dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Guru Ugama Sekolah Arab Bahagian Kokurikulum JPI, Awang Haidi Sewardi bin Haji Mohidi diikuti ucapan alu-aluan dan seterusnya penerangan mengenai aktiviti kokurikulum disampaikan oleh Ketua Bahagian Kokurikulum, Awang Haji Ismail bin Haji Mohd. Arshad.

Beliau berkata format baru aktiviti kokurikulum JPI akan dapat diselenggarakan lebih terarah sempena perubahan struktur baru JPI dan pelaksanaan Akta Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Dengan adanya format baru ini, jelasnya, akan dapat memberi manfaat kepada semua pelajar khususnya dan guru-guru umumnya dalam membantu tugas dan tanggungjawab mereka termasuk dalam proses belajar mengajar dengan lebih bermutu dan berkesan.

Antara kebaikan format baru JPI, katanya, adalah memberi daya saing yang sihat antaranya kepimpinan pengetua, guru besar (termasuk PPID) dan keaktifan guru bimbingan.

Aktiviti kokurikulum JPI yang terbaru ialah Program Keagamaan Senegara yang disasarkan untuk pegawai-pegawai, guru-guru agama, pelajar-pelajar sekolah Arab dan sekolah agama senegara.

Matlamat jerayawara tersebut bertujuan membarikan format baru pengendalian aktiviti kokurikulum persekolahan Arab dan agama agar lebih terarah, sesuai dengan syiar Islam dan tuntutan ukhrawi bagi pelajar-pelajar, murid-murid, guru-guru, pegawai-pegawai khususnya dan masyarakat umumnya.

Jerayawara tersebut bertujuan untuk mencapai sasaran Pelan Strategik JPI 2010-2014 iaitu penglibatan semua pelajar/murid dalam kokurikulum (100 peratus) bagi menambah nilai dan meningkatkan keberkesanan aktiviti kokurikulum.

Ia juga bertujuan untuk memaksimumkan masa dan peruntukan kewangan supaya lebih teratur dan terancang, di samping menanamkan penghayatan beragama dalam kalangan pelajar sekolah Arab dan agama melalui aktiviti kokurikulum, selain merupakan usaha untuk menaikkan imej JPI melalui aktiviti kokurikulum dengan meningkatkan penyertaan pelajar mengikuti kokurikulum sekolah Arab dan agama.

PPPBD galak ahlinya baca Al-Qur'an

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, dan menggilap bakat ahli-ahli Jumaat, 12 April. - Bagi mencungkil Persatuan Pandu Puteri Brunei



SEORANG ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an dalam Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Lazim dan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an Peringkat Cawangan Daerah Brunei dan Muara PPPBD 2013.

PUISI KHAS ADI RUMI

H7N9

Selepas H5N1,
sekarang muncul pula
H7N9. Semua itu pemangsa
belaka.
H7N9 muncul
dengan tiba-tiba.
Ya, bird flu ini
membikin dunia
cemas lagi.
Tidak pernah berhenti cemas.

Kita orang beriman
tidak sama tanggapan,
tanggapan kita tersendiri :
dari malaikat, manusia, jin
angin, air, api, ikan,
belalang, burung, kutu,
sampai kepada hama
ya, virus ini hama, mereka itu
boleh saja jadi tentera Allah
Ta'ala.

Walaupun H7N9 berlaku di
China,
? orang beriman –
tetap memandangnya jauh,
tiada terhenti di China saja,
adapun China itu ibarat
sebuah jendela cuma,
untuk virus ini bila-bila saja
boleh melompat ke sana dan
ke mari
merentasi benua ...

Kalau benar ia tentera Allah,
awas! Resam tentera itu menunggu
perintah
jika ada perintah,
mereka pasti bergerak
mereka pasti bertindak.
Nah, pada ketika itu,
meledaklah apa yang wajar
meledak
meletuplah apa yang wajar
meletup
tiada lagi daya upaya mengelak-
nya.

Inilah namanya ketentuan
jika ia berlaku.
Tidak ada siapapun
yang mampu ...
dan tidak ada tanganpun
yang cukup kuat
untuk menahannya ...
kehendak siapa,
Yang Maha Berkuasa.

ADI RUMI
China World Hotel,
Republik Rakyat China.

RAHASIA

Siapa yang mahu menggali
rahasia kehidupan ini,
galilah!
Namun tiadalah akan terbuka
semuanya,
kerana, rahasia itu bukan milik
kita
rahasia itu hebat dan sulit
khazanah Maha Pencipta,
manalah mungkin tangan yang
lemah ini
atau akal yang tidak sampai
ke mana-mana
akan mampu menerokanya?

Yang elok molek
renung-renunglah saja, timbang-
timbanglah saja,
hikmahnya, ya hikmahnya!
Tetapi inipun bukanlah
menyeluruh, kerana
kita ini manalah mungkin sampai
ke sana,
dari seratus mungkin satu dua
saja,
ya, adat makhluk serba kurang
serba lemah
beginilah. Inilah saja batas
sempadannya
berbanding batas sempadan
sebenar
ada di dalam ilmu Allah.

Kita cuma dapat menyaksikannya
saja
sambil mengkagumi
? di sini –
sebuah negeri bernama
"Tanah Besar ..."
ya, memang ia besar, serba
besar :
wilayah besar,
kerajaan besar,
keupayaan besar,
pencapaian besar,
satu rahasia tentang
"kebesaran."

Lalu siapakah yang boleh sampai
ke dasar lubuk rahsiannya?
Tidak ada,
melainkan cuma
kita setakat mampu berkata :
"Subhanallah,
Lahaula Wala Quwwata Illa
Billah"
ya, ini saja
upaya kita,
ini saja.

ADI RUMI
The Ritz-Carlton Sanya Hotel,
Republik Rakyat China.

Darussalam (PPPBD) yang berkebolehan dalam membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an dengan bertajwid dan bertarunum, persatuan tersebut telah mengadakan Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Lazim dan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an Peringkat Cawangan Daerah Brunei dan Muara PPPBD Tahun 2013.

Hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan yang berlangsung di Ibu Pejabat PPPBD, Kampung Anggerek Desa, Berakas di sini ialah Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaludin.

Antara yang hadir ialah Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Penolong Ketua Pesuruhjaya PPPBD dan Pesuruhjaya Kerohanian persatuan berkenaan.

Lebih 40 ahli-ahli PPPBD menyertai pertandingan yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu Kategori Tunas Puteri, Kategori Pandu Puteri/Ranger Puteri, Kategori Pemimpin Muda dan Kategori Pemimpin.

Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Lazim dan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an Peringkat Cawangan Daerah Brunei



KETUA Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Kamaludin semasa menghadiri dalam Majlis Pertandingan tersebut.

dan Muara PPPBD tahun ini merupakan aktiviti tahunan persatuan berkenaan yang bertujuan bagi memberikan galakan kepada ahli-ahlinya untuk sentiasa menjadikan Al-Qur'an sebagai bacaan harian secara berterusan supaya ahli-ahli tersebut akan dapat menjadikan pertandingan berkenaan sebagai saingan yang sihat dan positif.

Kongsi kemahiran membaca Al-Qur'an bersama qari, qariah kebangsaan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 April. - Tenaga-tenaga pengajar dan pelajar Program Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja di Sekolah Ugama Beribi menerima lawatan daripada Delegasi Jemputan Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 2013 berserta pegawai-pegawai dari Bahagian Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Lawatan tersebut merupakan satu penghormatan serta kesempatan bagi Jabatan Pengajian Islam (JPI) KHEU kerana ianya akan dapat memberikan input dan ilmu pengetahuan dalam meningkatkan lagi pembacaan ayat suci Al-Qur'an khususnya kepada pelajar dan tenaga program tersebut.

Dalam lawatan tersebut, delegasi berkenaan dibawa melawat ke Kelas Pembelajaran Tarunum dan Senam Pernafasan seterusnya mengadakan sesi dialog, kepada pelajar dan tenaga pengajar skim berkenaan di bawah



DELEGASI jemputan Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2013 semasa membuat lawatan ke Sekolah Ugama Beribi.

pengurusan Unit Tilawah dan Dikir, Bahagian Pelajaran Lanjutan, JPI.

Lawatan tersebut bertujuan bagi memberi pendedahan mengenai Program Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja yang ada di negara ini.

Terdahulu sebelum lawatan, Ketua Unit Tilawah Al-Qur'an dan Dikir, Pengiran Hajah Salbiah binti Pengiran Haji Mohammad Salleh dalam

ucapan alu-aluannya menjelaskan Skim Tilawah Al-Qur'an mula ditubuhkan pada tahun 1997 dan satu-satunya institusi pendidikan yang mengendalikan pembelajaran membaca Al-Qur'an secara bertarunum.

Setakat ini skim berkenaan, jelasnya telah melahirkan beberapa qari dan qariah yang turut bertanding dalam pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an pada peringkat akhir kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan juga pada peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.

Dengan adanya lawatan ini diharap dapat memberi peluang para tenaga pengajar dan pelajar program menimba ilmu daripada delegasi berkenaan yang sememangnya berkepakaran dalam bidang pembacaan Al-Qur'an dan bidang bertarunum, tajwid, fasahah dan sebagainya.



DELEGASI berkenaan meninjau Kelas Pembelajaran Tarunum dan Senam Pernafasan.



Oleh :
Azman Haji Abdul Rahim

PADA 24 – 25 April 2013, Negara Brunei Darussalam akan menambat perhatian masyarakat dunia dengan berlangsungnya Mesyuarat Kemuncak Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara atau lebih dikenali sebagai ASEAN. Kemuncak bermaksud paling tinggi dan dalam konteks persidangan atau mesyuarat ianya membawa makna pertemuan para ketua negara atau ketua kerajaan bagi membincangkan perkara-perkara yang memerlukan perhatian utama.

Negara Brunei Darussalam adalah Pengerusi ASEAN bagi tahun 2013. Dengan kata lain, perbincangan, perundingan atau permuzakarah dengan sendirinya dikendalikan oleh pemimpin tertinggi iaitu tidak lain dan tidak bukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sesuai dengan nama 'kemuncak', maka Negara Brunei Darussalam akan melayan tetamu yang terdiri dari para pemimpin dari 9 buah negara ASEAN yang lain dan Setiausaha Agong ASEAN.

Matlamat ASEAN

Tema ASEAN Summit 2013 ialah 'Our People, Our Future Together'. Tema ini begitu ringkas dan mudah difahami. Sesiapapun akan dapat mentafsirkannya dengan mudah dan memahami maksudnya.

Tema tersebut menitikberatkan matlamat ASEAN ke arah mewujudkan satu rantau yang aman, makmur, bahagia dan sejahtera melalui perpaduan antara masyarakat yang tinggal di dalamnya. Ianya menekankan tentang pentingnya semua lapisan rakyat dan penduduk di sepuluh buah negara ASEAN (pada masa ini) untuk berganding bahu dalam meneroka masa depan yang tidak dinafikan tidak lekang daripada cabaran-cabaran yang memerlukan kekuatan bersama bagi menanganinya.

Deklarasi ASEAN menyebutkan bahawa ASEAN ditubuhkan dengan tujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, perkembangan sosial dan kebudayaan melalui kerjasama berteraskan semangat kebersamaan dan usahasama bagi mengukuhkan hasrat dan cita-cita menwujudkan masyarakat yang sejahtera dan aman dalam rantau asia tenggara.

Selain itu, ASEAN juga mempunyai matlamat ke arah mengukuhkan keamanan dan kestabilan serantau melalui sikap saling hormat menghormati terhadap undang-undang yang terdapat di setiap negara ahli ASEAN dan kepatuhan terhadap Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Matlamat ASEAN seterusnya ialah mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi, sosial, teknikal, saintifik dan hal ehwal pentadbiran melalui kerjasama secara aktif antara sesama ahlinya, disamping mereka saling membantu

ASEAN: Meneroka masa depan bersama



menyediakan kemudahan-kemudahan bagi latihan dan kaji selidik dalam bidang-bidang tersebut.

ASEAN juga mahu mencapai keadaan dalam mana bidang pertanian dan perindustrian dapat dimanfaatkan sepenuhnya secara berkesan selain dari usaha mengembangkannya dengan memudahcara proses-proses yang sedia ada terutama sekali terhadap masalah-masalah yang membabitkan komoditi antarabangsa seperti pengangkutan dan hal ehwal perhubungan mengenainya.

Matlamat ASEAN juga ialah menggalakkan kajian mengenai rantau Asia Tenggara dan memelihara kerjasama dengan pertubuhan atau organisasi serantau dan antarabangsa yang mempunyai matalamat dan tujuan yang sama.

Kesemua matlamat ASEAN itu jelas menuju kepada matlamat yang satu iaitu mencipta masa depan yang menjurus kepada kebahagiaan dan kesejahteraan masyarakat ASEAN.

DEKLARASI ASEAN menyebutkan bahawa ASEAN ditubuhkan dengan tujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, perkembangan sosial dan kebudayaan melalui kerjasama berteraskan semangat kebersamaan dan usahasama bagi mengukuhkan hasrat dan cita-cita menwujudkan masyarakat yang sejahtera dan aman dalam rantau asia tenggara. Selain itu, ASEAN juga mempunyai matlamat ke arah mengukuhkan keamanan dan kestabilan serantau melalui sikap saling hormat menghormati terhadap undang-undang yang terdapat di setiap negara ahli ASEAN dan kepatuhan terhadap Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

سورۃ سوری

کالغن مقرر بايقن بر دعاء

واهي قوم مسلمين يغ درحمتي الله،

ماريله كيت منيشككن كفتوان كيت كغد الله سبحانه وتعالى دغن فنه كيقين دان كإعلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهنن دان منيشككن سكل لاراشنن. ملهمملهن كيت منحداي إنسان يغ برتقوى دان برلمان سرت سلامة دنيا دان سلامة دآخرة.

الله سبحانه وتعالى بر فرمان دالم سورة غافر آية ٦٠:

تفسرون:

دان توهن كامو بر فرمان: بر دعايله كامو كغد كو نسجاي اكو فركتكن دعاء فرمونهن كامو.

دعاه مروفاكن فركارا يغ ساغة فتيع دالم كهيدونن سورغ مسلم. بر دعاه حوك مروفاكن ففكاوان سسورغ همب ترهاتف ككواسان الله سبحانه وتعالى دان سوات تندا كيقين بهوا تباد نمقة عمتتا تولوغ ملاينكن كغد الله سبحانه وتعالى. سسفقوهن الله سبحانه وتعالى مهوراي اورغ ٢ يغ بر دعاه كغدان. رسول الله صلى الله عليه وسلم سرفكالي برفنن سفاي كيت مقرر بايقن بر دعاه دان مقرر بايقن كيت بتاف دعاه ايت مقرر بايقن كيقين.

كهويله بهوا دعاه اداله ففكوك دالان يغ مهورين كفتوان، كيقين، هارفن دان كيركن دالم اف حوا عمل فرپوانن. اوله كران ايت ددالم اسلام قد ستيف عمل دان فرپوانن يغ دلاكون ترهاتف دعاه ٢ ترهاتف يغ بايك اتوق دملكن سمد سلوم مولاكن سسوات فرپوانن اتو سلسل ملاكوكن. اين جلس مننوكن بتاف بر دعاه ايت اداله ساله ساتو درقد كقرلوان يغ فتيع ددالم منجاري كيركن، كرهضان دان فرليندوشن الله سبحانه وتعالى دالم منجاني سكل يغ دلاكون.

أهل جمعة يغ درحمتي الله،

دعاه ايت ساغة مليا دان تفكي نيلانن. اتوق مننوكن دعاه يغ مستجاب، أومه اسلام دنتوت بماحن دغن براداب. دانتارا اداب ترسوت إله اورغ بر دعاه هنقله دالم كادان بروضو، مفهاتف قبله، مولاكن دان مفاسوري دعاه دغن مهورن دان موجي نام الله سبحانه وتعالى سرت عمري صلوات دان سلام كغد رسول الله صلى الله عليه وسلم. بر دعايله دغن رنده هاتي، عشوش دان تواضع كغد الله سبحانه وتعالى. دان اداله له افضل داولغ ٢ دعاه ترسوت سهايق تيك كالي.

قرلو دليلة حوك بهوا كيت تيدله بوله بر دعاه دغن سوات يغ تيدق مناسبه دان مستحل اتوق مندهاكن كبورونن دان كجلاكان كغد اورغلانن. دالم كيت بر دعاه اداله له إلهوق حوك توروت بر دعاه اتوق كبايقن دان كسجهران أومه اسلام سلوروهن، دان له اوتام لاكي كيت توروت مندهاكن اتوق إلهوفاك دان اتق ٢ كيت. دعاه اتق ٢ كغد كنوا إلهوفاك اداله بسر مننغن، له ٢ لاكي ائيل كنوان تله منيشكل دنيا. اوله ايت اداله واحر باكي كيت سستيل بر دعاه اتوق إلهوفاك كيت كران مريك مروفاكن اورغ ساغة بر حرام دالم كهيدونن كيت، إنسان يغ تله ملبهارا دان منديلق كيت دري كحل هيفك ديولس، يغ سفقوف برقرهان اف سهاج دمي اتق ٢ يغ دكاسهي. بكيتوله حوك حارن دغن إلهوفاك، دكالككن سفاي مندهاكن اتق ٢ مريك سقرمان ني إلهوفاك عليه السلام مندهاكن اتقن سباكيمان فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الصافات آية ١٠٠:

تفسرون:

واهي توهنكوا كيرناكله كغد كو اتق يغ تر كولوغ دري اورغ ٢ يغ صالح.

مسلمين يغ درحمتي الله،

قرلوله دكهوي بهوا ترهاتف بايقن وقت حوك كيت بر دعاه ددالان، دعاه اكن موده دان حقة دمبولكن، دانتاران إلهه مالم جمعة دان هاري جمعة، وقت دانتارا اذان دان إقامه، كيك عظيم دودوق دانتارا دوا عطيه، كيك سعود ددالم مهبهيق، سته مهبهيق فرض، ديون رمضان، فد مالم القدر، هاري عرفه، كيك مينوم ابر ززم، كيك مباح القرعان ترأوتام ائيل حتم دان بايقن لاكي.

سباكي اورغ اسلام، كيت هنقله مقرر بايقن دعاه، كران دعاه ايت مننوكن كيت مرند دري، طاعة دان إلهة كغد الله سبحانه وتعالى، سمد كيك سنغ ماهوفون سوسه. بر دعايله دغن برسفقوه ٢ دان يقين بهوا دعاه ترسوت اكن دفر كتنكن دان دمبولكن اوله الله سبحانه وتعالى. جاشله موده بر فوتوس أسا حوك دعاه بلوم دمبولكن اتوقن ترپورو ٢ مقرر بايقن سفاي دعاهن حقة دمبولكن.

نامون قرلو حوك دليلة بهوا ترهاتف برفاف فركارا يغ بوله مهبين دعاه تيدق دمبولكن الله سبحانه وتعالى، ائاران إلهه اورغ بر دعاه ايت تيدق دجيتاي الله سبحانه وتعالى كران مقرر بايقن فرهتته دان لاراشنن. اوله ايت حوك ماهو منحداي همب يغ دجيتاي الله، كيت هنقله منطاعي سكل فرهتته الله سبحانه وتعالى دان منجاهي لاراشنن سفاي منحداي مسلم يغ برلمان دان دجيتاي الله، دغن دمكين باروله دعاه يغ دفهونن اكن دمبولكن اوله الله سبحانه وتعالى سباكيمان دسوتكن دالم سورة البقرة آية ١٨٦:

تفسرون:

دان ائيل همباكو بر تان كغدمو مقرر بايقن اكو مك كاتكن كغد مريك: سسفقوهن اكو سستيل همفور كغد مريك. اكو فركتكن فرمونهن اورغ ٢ يغ بر دعاه ائيل أي بر دعاه كغدكو. مك هنقله مريك ايت مهورن سروان كو دغن مهورن فرهتتهكو، دان هنقله مريك برلمان كغدكو سفاي مريك سستيل براد دالم كيران.

سلاين ايت، حوك كيت تيدق ماهو دعاه كيت دتوقن، كيت هنقله ممستين مكانن، مينومن دان فكاين اداله درقد سومر يمشلال. دالم سبواه قيصه، بكندا صلى الله عليه وسلم منجرهتاي تنيغ سورغ لاكي يغ تله ملاوي سوات فرجائتن يغ جلاه، لاكي ترسوت دالم كادان كوسوت ماساي دان برديو رمبونن، مندهاكن كدوا ٢ تاغتن كاره لاغيت اتوق بر دعاه: "واهي توهنكوا واي توهنكوا". فد حال مكانن لاكي ايت دري سومر يغ حرام، مينومن دري سومر يغ حرام، فكاينن دري سومر يغ حرام دان اي ماكن مكانن يغ حرام، لالو باكيمانك دعاهن اكن دترهتاي؟.

مسلمين يغ درحمتي الله،

سوده منحداي كلازمن اورغ ٢ بروني ائيل مفادان مجلس ٢ فرپوان اتو فرهيفونن، مجلس سوك دان دوكا، تيدق كورا مجلس كحل اتو بسر، سوده فستين تيدق اكن منيشككن عملان دعاه. عملان ترسوت ساغة بايك لاكي ترهتوي. عملان ترسوت اداله سباكي تندا شكور كحضرة الله سبحانه وتعالى دانس ليمفن نمعة كيرنان سرت باكي موهن كيركن دان رحمة الله سبحانه وتعالى حوا. تاني اف يغ مندوكاميتان إلهه ترهاتف سكليتور اورغ تيدق مفصيل برت اكن عملان بر دعاه. اين دافة كيت لهت ائيل دعاه دهاجكن ددالم سسوات مجلس اتو يغ سؤمفان، ترهاتف اورغ تيدق مقرر بايقن اتوق مندر دعاه يغ دهاجكن. بكيتو حوك اكن حارن سته سلسي مقرر بايقن مهبهيق، ترماسوقله كيك مقرر بايقن مهبهيق بر حمامه دمسهل، ددالني ترهاتف اورغ تروس بشكيت تنفا بر دعاه ترله دهولو.

الفكه روكنن مريك يغ تيدق إيكوت سرت بر دعاه كران فد دعاه يغ دهاجكن دالم سوات مجلس، اتو سلسل مهبهيق دان سؤمفان لازمن مننوكي فرمونهن اتوق مننوكن كامفونن، رحمة، كيركن، كسجهران، كسجحن دان كسلاين سرت موهن فرليندوشن دري دان كلورك دري مارا بهيا، بنجان دان سباكين. سفاتونن دعاه يغ دهاجكن ايت كيت دغر دغن عشوش دان تواضع سرت توروت مقرر بايقن اكو كيت توروت سام مننوكن كيركن دري دعاه ترسوت. دان إيشله بهوا اورغ تيدق ماهو بر دعاه داخكف سباكي اورغ سوموغ كغد الله سبحانه وتعالى، بهكن مريك حوك اكن مننوكن كوركان دري الله سبحانه وتعالى سباكيمان سيدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ لَمْ يَسْأَلِ اللَّهَ يَلْزُبْ عَلَيْهِ. { رواه الإمام الترمذی }

مقصودن:

دري أبو هريرة رضي الله عنه كاتن، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسندا: اورغ تيدق ممتا (بر دعاه) كغد الله، الله موركا كغدان.

مسلمين يغ درحمتي الله،

سسفقوهن ستيف دعاه يغ دفتحنن يغ دسرتانن دغن كإعلاصن كغد الله سبحانه وتعالى، تيدق كورا حقة اتو لهت، دعاه ايت فسني اكن دمبولكن. اف يغ فتيع كيت تله برلوسها دان يقين اف يغ دفهونن دان دحاجتي اكن دترهتاي الله سبحانه وتعالى. اوله ايت فرهتتهكده دعاه سفنغ ملس. إيشله بهوا دعاه ايت سنجات اورغ مؤمن، دمان ملاوي دعاه، كامفونن دان رحمة اكن دفرأوليهي، منكلا مصيبه دان كوسونن ترهيندر كران حوك الله سبحانه وتعالى مهننغي دان مقرر بايقن دعاه همبان، تيدق اد سوات فون يغ دافة مهنالغ كران الله سبحانه وتعالى تيدق اكن منسباكن دعاه همبان يغ فنه دغن كإعلاصن.

تفسرون:

دان توهن كامو بر فرمان: بر دعايله كامو كغد كو نسجاي اكو فركتكن دعاه فرمونهن كامو. سسفقوهن اورغ ٢ يغ سومورغ تكبور درقد بر حادة دان بر دعاه كغد كو، اكن ماسوق نراك جهنم دالم كادان هينا.

Menjelang Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22



Lebih 10 ribu pas lengkap dengan ciri keselamatan dikeluarkan

Oleh: Samle Haji Jait

PUSAT Akreditasi Brunei (BAC) telah mengeluarkan lebih 10 ribu keping pas secara keseluruhan yang dibahagikan hampir 50 kategori bagi memudahkan dan melancarkan para delegasi dan petugas sepanjang Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 (22th ASEAN Summit) pada 24 hingga 25 April di Bandar Seri Begawan nanti.

Setiap pas berkenaan telah dilengkapi dengan sistem RFID sebagai ciri keselamatan dengan menggunakan kod QR bagi memudahkan pegawai keselamatan membuat pengimbasan setiap akses pergerakan pemegang pas berkenaan pada setiap venue mesyuarat.

“Pegawai keselamatan bertugas juga akan dapat mengesan lokasi ‘keberadaan’ pemegang pas berkenaan kerana setiap pas telah direkodkan kedalam sistem keselamatan”, jelas Ketua BAC ketika ditemui PELITA BRUNEI.

Ciri-ciri keselamatan berkenaan merupakan salah satu aspek yang menjadi prioriti kepada BAC untuk sama-sama menjaga keselamatan semua delegasi dan para petugas tempatan serta luar negara sepanjang mesyuarat terbesar ASEAN itu berlangsung di sini.

Dalam pada itu, setiap delegasi dan petugas hadir sepanjang mesyuarat dilangsungkan adalah dimestikan memakai pas berkenaan mengikut bidang tugas masing-masing dan setiap akses juga terhad pergerakannya mengikut ‘pool pass’ yang tertentu.

Pada perkembangan lain, para wartawan dan jurugambar dari dalam dan luar negara telah diberikan ‘pool pass’ bagi menentukan kedudukan masing-masing bagi memastikan petugas media menjalankan tugas mereka dengan lancar.

Sidang Kemuncak ASEAN diyakini akan menempah satu lagi kejayaan, Negara Brunei Darussalam sebagai tuan rumah dalam mana sentiasa menitikberatkan aspek-aspek keselamatan para delegasi-delegasi dan tetamunya sepanjang mesyuarat berkenaan berlangsung.



Foto : Samle Haji Jait

Berangkat tinjau persiapan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Masri Osman,
Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzuddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Jalan Berakas bagi meninjau secara dekat persiapan negara selaku tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22, 2013.

Negara Brunei Darussalam menjadi Pengerusi ASEAN sejak 1 Januari 2013 lalu.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bangunan JPM di Jalan Berakas, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzuddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Jalan Berakas. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Sejurus keberangkatan, Kebawah DYMM, selaku Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN 2013 telah berkenan menandatangani plak keberangkatan lawatan.

Semasa lawatan tersebut baginda telah meninjau secara dekat ke beberapa ruang kemudahan bagi Sidang Kemuncak ASEAN 2013, antaranya Dewan Mesyuarat Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur - Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina (BIMP-EAGA), Kemuncak Pertumbuhan Segitiga - Republik Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT Summit), Dewan Sidang Media selain dewan bagi Sidang Kemuncak 'Retreat'.

Juga menarik perhatian dalam lawatan baginda itu ialah kemudahan ruang

kerja bagi pihak media membuat liputan semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak tersebut.

Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22, 2013 pada 24 dan 25 April ini dengan menghimpunkan semua pemimpin dan ketua negara daripada 10 buah negara anggota ASEAN untuk membincangkan hal-chwal serta kepentingan ASEAN.

Semasa Sidang Kemuncak Ketujuh yang diadakan di Negara Brunei Darussalam dan ASEAN+3 yang diadakan pada 5 dan 6 November 2001 yang dipengerusi oleh baginda telah mencapai beberapa hasil yang konkrit atas kesepakatan dan permuafakatan antara para pemimpin ASEAN dan pemimpin Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Tema bagi mesyuarat ASEAN di Bandar Seri Begawan 'Rakyat Kita, Masa Depan Kita Bersama' (Our People, Our Future Together) setentunya bersesuaian dengan harapan negara-negara ASEAN terhadap rakyatnya.

Ketika bertitah sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2013, baginda akan menggunakan peluang terbaik ini untuk memanfaatkan peranan negara menyumbang terhadap keamanan dan kesejahteraan serantau serta global.

Di samping, titah baginda, sebagai tuan rumah, Negara Brunei Darussalam juga akan berpeluang untuk menunjukkan kepada dunia kebolehannya mencapai kemajuan, keamanan dan keharmonian bermasyarakat termasuk menerima para tetamu dengan mesra dan hormat.



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah Setiausaha-Setiausaha Tetap sejurus keberangkatan di bangunan JPM (kiri sekali) dan berkenan menerima sembah penerangan dan taklimat ringkas mengenai pelbagai kemudahan bagi Sidang Kemuncak ASEAN 2013 (gambar 2, 3, 4 dari kiri).



KEBERANGKATAN baginda mencerminkan keprihatinan baginda agar semua persiapan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 2013 berjalan lancar.



**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

JUALAN LELONG TERTUTUP

UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

ADALAH dengan ini dimaklumkan dan diberi notis jualan lelong secara sebut harga bagi harta benda kerajaan yang telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan dibukakan kepada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan yang berminat untuk membeli seperti barang-barang berikut:-

LOT	JENIS PERKAKAS/PERALATAN/PERABOT	TEMPAT/KEPUNYAAN
A	• Peralatan / Perkakas Pejabat dan Sekolah Kerusi / Meja penuntut, kabinet besi, rak-rak buku dan kerusi dewan. Jumlah semua 167 Unit / Buah	Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kg Selambigar
	• Perabot, Peralatan elektrik dan dapur gas. Jumlah semua 858 Unit / Buah	Sekolah Menengah Rimba
	• Peralatan / Perkakas design, welding mask, thicknesser, Bandsaw, wood lathe, Riveter berbagai jenis (Sun City Pro 3000 Duwell). Jumlah semua 7 Unit / buah	Sekolah Menengah Berakas
	• Perabot Pejabat dan Sekolah, Peralatan Komputer berbagai jenis. Jumlah semua 386 Unit / Buah	Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar
B	• Penghawa dingin jenis Window berbagai jenis-jenis. Jumlah semua 17 Unit	Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin Muara, Brunei II (B)
	• Peralatan Pejabat, Mesin photocopy, Risograph berbagai jenis. Jumlah semua 4 Unit	Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar
	• Perabot pejabat, mesin-mesin rumput berbagai jenis, Tangki air, Buku-buku teks dan buku-buku perpustakaan. Jumlah semua 14,525 unit / buah	Sekolah Rendah Anggerek Desa, Brunei IIA
C	• Mesin-mesin rumput, Generator dan mesin penggiling. Jumlah semua 12 Unit	Jabatan Sekolah-Sekolah, Daerah Belait
	• 2,680 buah buku-buku teks	Sekolah Rendah Kuala Belait
	• Mesin fax Sharp FD50, Kerusi pejabat. Jumlah semua 4 Unit / buah	Unit Kenderaan dan Pengangkutan, Daerah Belait
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan) TAWARAN TARIKH TUTUP DAN WAKTU 30 April 2013 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/28/2013/2014 (DS(M)
-APRIL-2013)

KETERANGAN :TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI ALATAN SAINS UNTUK PUSAT TINGKATAN ENAM/MAKTAB/ SEKOLAH MENE-NGAH KERAJAAN, BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN, UNTUK TAHUN KEWANGAN

2013/2014, 2014/2015 DAN 2015/2016. (KATEGORI B : GLASSWARE / PLASTICWARE)

BAYARAN YURAN/DOKUMEN TAWARAN: \$30.00 (Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran tidak dikembalikan) TAWARAN TARIKH TUTUP DAN WAKTU, 30 April 2013 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/29/2013/2014 (DS(M)
-APRIL-2013)

KETERANGAN :TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI ALATAN SAINS UNTUK PUSAT TINGKATAN ENAM/MAKTAB/SEKOLAH MENE-NGAH KERAJAAN, BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN, UNTUK TAHUN KEWANGAN

2013/2014, 2014/2015 DAN 2015/2016. (KATEGORI C : INSTRUMENTS) BAYARAN YURAN/DOKUMEN TAWARAN \$30.00

(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan) TAWARAN TARIKH TUTUP DAN WAKTU 30 April 2013 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/30/2013/2014 (DS(M)
-APRIL-2013)

KETERANGAN :TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI ALATAN SAINS UNTUK PUSAT TINGKATAN ENAM/MAKTAB/SEKOLAH MENE-NGAH KERAJAAN, BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN, UNTUK TAHUN KEWANGAN

2013/2014, 2014/2015 DAN 2015/2016. (KATEGORI D : DISPOSABLES) BAYARAN YURAN/DOKUMEN TAWARAN: \$10.00 (Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak

dikembalikan) TAWARAN TARIKH TUTUP DAN WAKTU: 30 April 2013 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/31/2013/2014 (DS(M)
-APRIL-2013)

KETERANGAN : TAWARAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI ALATAN SAINS UNTUK PUSAT TINGKATAN ENAM/MAKTAB/SEKOLAH MENE-NGAH KERAJAAN, BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN, UNTUK TAHUN KEWANGAN

2013/2014, 2014/2015 DAN 2015/2016. (KATEGORI E : NON DISPOSABLES) BAYARAN YURAN/DOKUMEN TAWARAN: \$30.00

(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan) TAWARAN TARIKH TUTUP DAN WAKTU: 30/04/2013 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

(HARI BIASA) WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARANYURAN/DOKUMEN TAWARAN

ISNIN - KHAMIS 8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI 1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG

SABTU 8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI

Syarat-Syarat Iklan Tawaran

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran Yuran Tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penawar adalah dikehendaki membayar semua Yuran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penawar sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).
3. Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
4. Sebelum mengambil borang, setiap penawar hendaklah membayar yuran tawaran,

di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam Sila pastikan resit pembayaran Yuran Tawaran yang diterima adalah betul.

HARI DAN WAKTU PEMBAYARAN

ISNIN HINGGA KHAMIS 8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI 1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG SABTU 8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI

5. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Yuran Tawaran.

7. Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan indentiti Penawar dan ditujukan kepada :-

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pendidikan.

8. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

9. Tawaran-Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.



JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

BAHAGIAN 1 DOKUMEN TAWARAN

1. Tawaran terbuka bagi kerja-kerja
JP/T5/2013-2014 - PEMELIHARAAN LANSKAP KAWASAN BANGUNAN-BANGUNAN DAN TANAH- TANAH JABATAN PELABUHAN @ KONTRAK PENGGAL 2 TAHUN 2013-2015.

2. Dokumen tawaran boleh diperolehi:-

UNIT TAWARAN & SEBUT HARGA TINGKAT 2

BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN PELABUHAN- PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN MUARA BT 1728 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen tawaran dijual dengan harga Ringgit Brunei Sepuluh (\$10.00) tunai dan wang tersebut tidak dikembalikan.

Dokumen tawaran akan hanya dapat diperolehi/ dikeluarkan sehingga hari Selasa, 25 April 2013, 2.30 Petang.

HARI ISNIN HINGGA KHAMIS 8.00 PAGI HINGGA 11.00 PAGI, 1.30 PETANG HINGGA 2.30 PETANG DAN

HARI SABTU 8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI SYARAT-SYARAT, MASA & TEMPAT MENGHANTAR DOKUMEN TAWARAN

3. Dokumen tawaran mestilah dalam sampul surat yang tertutup rapi, tanpa membubuh atau menulis nama syarikat dan juga logo syarikat:-

JP/T5/2013-2014 - PEMELIHARAAN LANSKAP KAWASAN BANGUNAN-BANGUNAN DAN TANAH- TANAH JABATAN PELABUHAN @

KONTRAK PENGGAL 2 TAHUN 2013-2015.

Tajuk tawaran perlulah tercatat jelas di sebelah depan sampul bahagian atas;.

a) Sampul tertutup tidak perlu mempunyai nama syarikat atau pun logo.

b) Sampul perlu ditujukan kepada alamat berikut: -

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL (LTK) TINGKAT 4, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN BANDAR SERI BEGAWAN BB3910 JALAN MENTERI BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

TARIKH TUTUP MENGHANTAR TAWARAN

Selasa, 7 Mei 2013, 2.00 petang



ڤرادوان منوليس ميمورندوم، مينيت، دان سورت راسمي سمنقنا بولن بهاس 2013

Peraduan Menulis Memorandum, Minit, dan Surat Rasmi Sempena Bulan Bahasa 2013

TEMA

*Gunakan Bahasa Melayu
yang Betul dan Murni dalam
Surat-menyurat*

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Peraduan menulis memorandum, minit,
dan surat rasmi diadakan bagi mendukung
dan mengukuhkan kedudukan
Bahasa Melayu dalam
Perlembagaan Negeri Brunei 1959
melalui proses pemupukan, penggunaan,
dan penguasaan berterusan.

MAKLUMAT LANJUT

Urus Setia
Peraduan Menulis Memorandum,
Minit, dan Surat Rasmi
Sempena Bulan Bahasa 2013
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Jalan Pembangunan
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

Unit Buku Ilmiah, Umum, dan Sastera
Tel.: 2383512 sambungan 153/189/197

Tarikh Tutup: Hari Isnin, 27 Mei 2013
Pukul: 4.30 Petang

HADIAH

Penghormatan Pertama	\$500.00 berserta hadiah
Penghormatan Kedua	\$350.00 berserta hadiah
Penghormatan Ketiga	\$250.00 berserta hadiah

Tiga hadiah penghargaan akan diberikan berjumlah
\$150.00 setiap seorang berserta sijil.

SKOP PENULISAN

- ❏ Memohon peruntukan bagi menganjurkan projek jabatan.
- ❏ Memohon tajaan daripada badan atau institusi swasta.
- ❏ Menulis memorandum atau minit atau surat pemberitahuan atau makluman kepada pihak kedua sama ada dalam jabatan mahupun luar jabatan.
- ❏ Memohon kebenaran kepada pihak yang berwenang bagi mengadakan sesuatu majlis yang berkaitan dengan perancangan jabatan.
- ❏ Memohon pekerjaan, dermasiswa, kebenaran membuat penyelidikan, perumahan, dan lain-lain.
- ❏ Menulis surat undangan/jemputan kepada institusi dan syarikat yang merupakan rakan strategi jabatan/swasta.

HADIAH BUKU TERLARIS

Sebagai penghargaan dan pengiktirafan buku-buku yang dihasilkan oleh penulis-penulis tanah air, mulai tahun ini Dewan Bahasa dan Pustaka, buat julung kalinya mengadakan "Hadiah Buku Terlaris" (HBT) dan akan disampaikan setiap tahun sewaktu Pesta Buku Brunei.

Pemberian HBT sempena Pesta Buku Brunei 2013 ini dinilai daripada jualan buku-buku pada tahun 2012 dan buku-buku cetak ulang khusus bagi buku karya perseorangan yang melibatkan buku-buku terbitan daripada jabatan-jabatan kerajaan, swasta dan orang perseorangan sama ada dicetak di dalam atau di luar negeri.


Antara objektif HBT adalah bagi memberi galakan, penghargaan dan pengiktirafan terhadap karyawan tanah air dan karya yang bermutu tinggi di samping menggalakkan pertumbuhan ramai penulis baru yang lebih kreatif, menggalakkan pertumbuhan industri perbukuan yang lebih kompetitif, meningkatkan kualiti penulisan dan penerbitan, menggalakkan penulis untuk mempromosi dan menjual buku masing-masing, sekali gus mendukung memperkasa budaya membaca di negara ini.

Pada tahun ini, sebanyak dua buah buku telah mencapai tahap jualan yang diputuskan oleh ahli panel penilai sebagai "Buku Terlaris" iaitu buku *Amalan Rahsia dan Kehebatan Ayat Al-Quran* (Buku Ilmiah) karya Ustaz Haji Mohammad Sahri bin Haji Sulaiman dan buku *Kampung Ayer Kenangan Abadi* (Buku Umum) karya Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim.

Penyampaian "Hadiah Buku Terlaris" telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam pada 17 Rabiulakhir 1434/28 Februari 2013 semasa Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2013 yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

BUKU TERLARIS 2012

AMALAN RAHSIA DAN KEHEBATAN AYAT AL-QURAN



HARGA PASARAN BND15.00
HARGA PROMOSI

Berhubung terus kepada Penulis
Ustaz Haji Mohammad Sahri bin Haji Sulaiman
Masjid Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah

ISBN 99917-48-71-7

Cetakan: Kesembilan 2013

Jumlah Muka Surat: 322

Penerbit: Ustaz Haji Mohammad Sahri bin Haji Sulaiman

SINOPSIS


Buku *Amalan Rahsia dan Kehebatan Ayat Al-Quran* merupakan buku cetak ulang. Cetakan pertama buku ini diterbitkan pada tahun 2006 dan kali pertama dicetak sebanyak 5,000 buah. Oleh kerana permintaan pembaca sangat menggalakkan, maka buku ini dicetak ulang sehingga sembilan kali dan yang terkini pada tahun 2013.

Kitab Al-Quran merupakan mukjizat, wahyu, rahmat, hidayat, penawar, pelita hidup, kalamullah yang paling agung, yang mengandungi pelbagai fadilat, khasiat, rahsia, ilmu, hikmah, syifa yang terlalu banyak untuk dirangkaikan. Sesungguhnya setiap surah, ayat, kalimah, perkataan, huruf, baris, titik, dalam Al-Quran mempunyai rahsia dan makna tersendiri yang diberi ganjaran pahala bagi pengamalnya, yang dikurniakan Allah Subhanahu Wa Taala untuk sebaik-baik ummah Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam.

Buku ini mencungkil dan memaparkan sebahagian kecil rahsia, fadilat, kelebihan dan kehebatan setiap surah Al-Quran yang maha luas, sama ada untuk perubatan, amalan, ilmu, hikmah dan sebagainya yang boleh dimanfaatkan sebaik mungkin oleh sekalian umat Islam ke arah mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wa Taala, keberkatan dunia dan akhirat.

BUKU TERLARIS 2012

KAMPONG AYER KENANGAN ABADI



Karangan: Abdul Latif Ibrahim, Ph.D.

HARGA PASARAN
BND50.00 (kulit keras)
BND35.00 (kulit lembut)

ISBN 978-99917-54-73-3 (kulit keras)
ISBN 978-99917-54-72-5 (kulit lembut)

Cetakan: Pertama 2012

Jumlah Muka Surat: 252

Penerbit: Pentagram Design Sdn. Bhd.

SINOPSIS

Buku *Kampung Ayer Kenangan Abadi* (terjemahan *Kampung Ayer: Living Memory*) memuatkan sejarah dan perkembangan serta pembangunan Kampung Ayer dari dahulu hingga sekarang dalam bentuk gambar-gambar (berwarna dan hitam putih) serta teks sebagai rujukan kepada para pembaca. Buku ini mengandungi empat bab utama, iaitu: Kampung Ayer Dahulu, Kampung Ayer Kegiatan dan Peristiwa, Kampung Ayer Pandangan Pelukis, dan Kampung Ayer sekarang.

Buku ini mengembalikan nostalgia terhadap penduduk Kampung Ayer di masa lampau dan merupakan buku ristaan dan ingatan abadi kepada generasi emas yang lahir dan pernah hidup di Kampung Ayer. Buku ini turut memaparkan kekayaan dan peristiwa yang dimainkan oleh Kampung Ayer dalam sejarah Borneo, dan lebih-lebih lagi Negara Brunei Darussalam. Melalui penyelidikan, penulis buku telah menghasilkan suatu inspirasi tentang Kampung Ayer yang tetap utuh menyaksikan perubahan dan perkembangan kemajuan Negara Brunei Darussalam. Buku ini menerangkan bagaimana Kampung Ayer wujud sebagai sebuah perkampungan di air dan akhirnya menjadi sebuah negeri, bak kata pepatah sejarah, Kampung Ayer itu adalah negeri Brunei dan sebaliknya.

Buku ini didukung oleh gambar-gambar lukisan dari pengembara-pengembara ke Brunei Darussalam pada abad ke-19 dan juga gambar-gambar hitam putih mengenai Kampung Ayer pada akhir tahun 1940-an dan awal tahun 1950-an. Gambar-gambar hitam putih dan berwarna memperlihatkan kegiatan dan peristiwa yang berlaku di sepanjang Sungai Brunei yang ada hubung kait dengan kehidupan orang Melayu Brunei di Kampung Ayer khususnya kegiatan yang telah pupus dan kegiatan dan peristiwa yang masih kekal hingga sekarang.

Pelukis turut memuatkan beberapa lukisan dari pelbagai media yang dihasilkan oleh pelukis-pelukis tempatan. Sememangnya Kampung Ayer menjadi inspirasi bagi pelukis-pelukis tanah air menonjolkan karya masing-masing. Buat julung kalinya hampir semua lukisan lama Kampung Ayer telah dibukukan.

Buku ini amat bermanfaat kepada generasi muda untuk dikongsi dan dirista agar menyayangi dan mengingati peristiwa dan sejarah yang berlaku di Kampung Ayer yang sepatutnya dihargai di samping turut mensyukuri nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wa Taala.

Kampung Ayer Brunei akan terus hidup dengan slogan "Bandar Seribu Air".

Manfaatkan Pondok Lupak Si Timur bagi meningkatkan ilmu pengetahuan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim



PEMANGKU Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Roslin bin Suhailee semasa merasmikan Pondok Lupak Si Timur.

TEMBURONG, Rabu, 10 April. - Warga Sekolah Rendah Labu Estate diharap akan dapat memanfaatkan sepenuhnya Pondok Lupak Si Timur bagi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah berkenaan ke arah meningkatkan ilmu pengetahuan.

Perasmian pondok yang terletak berdekatan Sekolah Rendah Labu Estate, Mukim Labu itu disempurnakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Roslin bin Suhailee.

Pondok dibina bersempena Bengkel Perkhemahan Guru-Guru Pengawas Pasukan Beruniform Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara Ke-3 yang lalu.

Dengan kerjasama dan atas sikap gotong-royong di antara kakitangan sekolah rendah tersebut dan ahli-ahli Persatuan Ibumaba/Guru Sekolah Rendah Labu Estate, pondok Lupak Si Timur yang mula dibina pada 25 Mei 2012 telah selesai pembinaannya di mana perletakkan batu asas pembinaan pondok berkenaan disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kourikulum, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji

Abu Bakar.

Menyentuh mengenai nama pondok berkenaan, Penghulu Mukim Labu, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nasir menjelaskan nama Lupak Si Timur berasal daripada tempat yang pernah didiami oleh para penduduk Kampung Labu Estate.

Tempat berkenaan jelasnya merupakan bekas perkampungan lama sebelum wujudnya perkampungan yang ada ketika ini dan terletak berhampiran dengan bangunan Sekolah Rendah Labu Estate ketika ini.

Wasai Rempadih dikelilingi keindahan alam semula jadi

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Temburong

TEMBURONG, Selasa, 16 April. - Tempat-tempat riadah sememangnya banyak terdapat di daerah ini yang masih belum diterokai namun agak menarik untuk dijadikan tempat bersantai bersama keluarga mahupun sahabat handai.

Salah satu daripadanya ialah Wasai Rempadih yang terletak di ulu Sungai Selapon, Mukim Batu Apoi, sebuah wasai dengan air yang jernih, air terjun serta dikelilingi dengan keindahan alam semula jadi.

Penghulu Mukim Batu Apoi, Orang Kaya Setia Haji Ahmad bin Haji Lakim menjelaskan wasai tersebut dahulu kalanya merupakan kawasan di mana kualanya merupakan tempat penduduk Kampung Selapon yang terdiri dari puak Murut, bertanam padi.

Oleh itu jelasnya wasai berkenaan telah diberi nama 'Rempadih' iaitu nama yang diberikan oleh orang-orang Murut bagi maksud *berpadi*.

Untuk sampai ke wasai berkenaan, jelasnya lagi, adalah terlalu sukar dan memakan masa lebih kurang dua jam perjalanan dari Taman Aie Tenap di mana para pengunjung terpaksa menyeberangi dua batang anak sungai selain terpaksa melalui jalan berbatu bata dan hutan belukar.

Oleh sebab itulah wasai yang dikelilingi dengan keindahan alam semula jadi itu sukar untuk dimajukan meskipun ianya merupakan tempat yang seronok untuk beriadah sambil menikmati keindahan alam semula jadi.



WASAI Rempadih yang terletak di ulu Sungai Selapon, Mukim Batu Apoi menarik untuk dikunjungi.

MOAS terima sumbangan wakaf

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 April. - Seramai 87 murid dan 11 guru dari Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan (SPABSB) mengadakan lawatan sambil belajar ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin (MOAS).

Lawatan yang dikendalikan oleh Jabatan Attarbiah Addiniyah, Jabatan Amali Agama dan Jabatan Khat SPABSB itu juga termasuk dalam perancangan tahunan kokurikulum 2013 bagi jabatan-jabatan tersebut.

Antara objektif lawatan itu ialah untuk merangsang minda murid bagi mendekati diri dengan masjid dan memberi peluang kepada mereka untuk melihat sendiri perjalanan dan pentadbiran masjid, selain dapat melihat keindahan tempat suci, kerana

masjid tersebut adalah yang terindah daripada segi seni binaan dan ukirannya.

Rombongan tersebut diketuai oleh Penolong Guru Besar SPABSB, Pengiran Hasnul Zamri bin Pengiran Haji Piut.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan membaca Ratib Al-Attas yang diimamkan dan diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Awang Haji Zainuddin bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Mohd. Tamin, diikuti bacaan Doa Khas Bagi Pelajar dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Selepas itu acara diteruskan dengan

penerangan mengenai MOAS disampaikan oleh Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh, diikuti penyampaian sumbangan wakaf daripada guru-guru, ibu bapa dan murid-murid sekolah berkenaan untuk MOAS disampaikan oleh Penolong Guru Besar SPABSB kepada Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran, selaku Pemangku Penguasa MOAS.

Sumbangan tersebut berupa wang sebanyak BND1913.20 dan alat-alat seperti penghawa dingin, *vacuum cleaner*, *water dispenser*, telemekung 20 pasang dan selipar getah 20 pasang.

Pada akhir lawatan para guru dan murid berkesempatan meninjau ke kawasan dalam dan luar bangunan MOAS.

79 pain darah didermakan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Khamis, 11 April. - Menderma merupakan satu amalan terpuji dan amat digalakkan dalam agama Islam bagi membantu mereka yang memerlukan.

Derma bukan hanya boleh dihulurkan dari segi kewangan malahan juga derma boleh disumbangkan dalam apa saja bentuk bagi meringankan bebanan termasuklah darah.

Ke arah itu, Jabatan Belia dan Sukan, cawangan Daerah Temburong dengan kerjasama Unit Simpanan Tabung Darah, Kementerian Kesihatan meneruskan Kempen Derma Darah bagi membantu unit berkenaan sebagai usaha menyelamatkan nyawa masyarakat di negara ini yang memerlukan bantuan darah.

Sebanyak 79 pain darah berjaya didermakan daripada lebih 100 penduduk di daerah ini yang mendaftar semasa kempen yang diadakan di Dewan Bukit Retak, Pusat Belia, Pekan Bangar di sini.

Kempen yang berunsur kemasyarakatan ini antara lain merupakan galakan kepada golongan



KEMPEN Derma Darah anjuran Jabatan Belia dan Sukan cawangan Daerah Temburong dengan kerjasama Unit Simpanan Tabung Darah, Kementerian Kesihatan merupakan langkah untuk melahirkan belia yang bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

belia dan masyarakat di daerah ini bagi melibatkan diri dalam kegiatan yang berkebakikan selain sebagai langkah untuk melahirkan belia yang bertanggungjawab dan sanggup berkorban kepada masyarakat dan negara.

Pasukan White Lion juara Kejohanan Futsal Amal



YANG Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul 'Aleem ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah berkenan bergambar ramai setelah menjuarai Kejohanan Futsal Amal Untuk Tabung Mangsa Kebakaran Kampung Setia 'A' bagi kategori khas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 April - Pasukan White Lion muncul juara Kejohanan Futsal Amal Untuk Tabung Mangsa Kebakaran Kampung Setia 'A' setelah berjaya menumpaskan

Pasukan BDNOC dengan jaringan 2 - 1 pada perlawanan akhir di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkihah, Berakas, di sini. Menyertai Pasukan White

Lion ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul 'Aleem ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah.

Sementara itu menjuarai dalam kategori terbuka ialah Pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sekaligus memusnahkan harapan Pasukan Kota Junior dengan jaringan 2 - 1.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Masmaleh Haji Md. Ali

Kejohanan anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) bermula Jumaat lepas itu disertai oleh 20 pasukan dan dibahagikan kepada dua kategori.

Hadir menyaksikan perlawanan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian wang kutipan hasil daripada aktiviti-aktiviti yang diungkapkan selama ini iaitu melalui aktiviti zumba amal, larian amal, ekspedisi berbasikal dan futsal amal bagi Tabung Amal

Mangsa-mangsa Kebakaran Kampung Setia 'A'.

Penyampaian wang kutipan yang berjumlah BND15,707.46 tersebut disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yusoff.

Aktiviti-aktiviti yang diungkapkan tersebut antara lain bagi membantu mangsa-mangsa yang terlibat dalam kebakaran di Kampung Setia A, selain menanam sikap bantu-membantu dan memupuk sikap murni dalam kalangan masyarakat dengan menghulurkan bantuan kewangan, di samping melakukan aktiviti riadah yang sihat.

Aktiviti riadah golongan belia hujung minggu

Oleh : Rohani Haji Abd. Hamid
Foto : Ak Amirulizam Pg. Haji Mohd. Ali

SERASA. - Aktiviti hujung minggu anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Brunei dan Muara pada 7 April 2013 bertujuan untuk mewujudkan semangat golongan belia

supaya sentiasa aktif dengan aktiviti-aktiviti, di samping memupuk dan menyemai semangat mereka supaya sentiasa bersifat positif dalam segala hal.

AKTIVITI hujung minggu ini merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan oleh cawangan ini setiap tiga kali setahun yang juga adalah aktiviti riadah untuk belia-belia, di samping diselitikan dengan kerja-kerja kemasyarakatan untuk membentuk kembali semangat setia kawan dan bekerjasama dalam kalangan belia-belia dan ianya juga adalah salah satu kegiatan untuk memenuhi kehendak belia-belia Program BCTA 2013.

Selain itu aktiviti tersebut juga untuk memberi penghargaan kepada belia-belia melalui penglibatan mereka dalam aktiviti yang dianjurkan oleh jabatan ini khususnya cawangan Brunei dan Muara.

Sehubungan itu, Aktiviti Hujung Minggu, Kerja-Kerja Kemasyarakatan dan Sukan Riadah Belia diadakan di Pantai Serasa, Muara yang dimulakan dengan senamrobik.

Aktiviti diteruskan dengan kerja-kerja kemasyarakatan dan sukan riadah bersama pegawai-pegawai jabatan tersebut.

Aktiviti hujung minggu ini merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan oleh cawangan ini setiap tiga kali setahun yang juga adalah aktiviti riadah untuk belia-belia, di samping diselitikan dengan kerja-kerja kemasyarakatan untuk membentuk kembali semangat setia kawan dan bekerjasama dalam kalangan belia-belia dan ianya juga adalah salah satu kegiatan untuk memenuhi kehendak belia-belia Program Belia Cinta Tanah Air 2013.



ANTARA aktiviti hujung minggu belia dengan mengutip sampah sarap dan membersihkan kawasan di Pantai Serasa.

NASIONAL

Hadapi empat pertuduhan rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 April. - Seorang Penolong Penguasa Bomba di Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Awang Wadi bin Haji Mohd. Tuah dan Pengarah Urusan Syarikat Pro-Tea, Construction and Trading Sdn Bhd, Yap Tiew Hon telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas dua tuduhan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) dan dua tuduhan di bawah Bab 109 dibaca bersama Bab 165 di bawah akta yang sama.

Timbalan Pendakwa Raya, Pengiran Nina Jasmine binti Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin memaklumkan kepada Mahkamah bahawa hasil siasatan Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati tertuduh pertama, Awang Wadi pada 19 November 2011 di alamat No. 26, Simpang 125, Kampung Limau Manis, Jalan Kuala Lurah, Negara Brunei Darussalam, telah memperolehi untuk dirinya sendiri '550 homogenous tiles 30'30' berjumlah BND606 (Enam Ratus Lima Ringgit) daripada tertuduh kedua, Yap Tiew Hon, Pengarah Urusan Syarikat Pro-Team Construction and Trading Sdn Bhd yang membangunkan Housing Development Project di Lot 27231, Simpang 52-55-30, Kampung Mata-Mata, Mukim Gadong, yang tertuduh pertama ketahui mempunyai urusan kerja dengannya sebagai Penolong Penguasa Bomba di JBP yang bertanggungjawab untuk memeriksa dan meluluskan Projek Pembangunan Perumahan tersebut.

Dalam pertuduhan kedua, Timbalan Pendakwa Raya memaklumkan kepada Mahkamah bahawa tertuduh kedua, Yap Tiew Hon, telah bersubahat melakukan kesalahan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) oleh tertuduh pertama.

Bagi pertuduhan ketiga, Timbalan Pendakwa Raya memaklumkan kepada Mahkamah bahawa pada bulan November 2011, di alamat No. 26, Simpang 125, Kampung Limau Manis, Jalan Kuala Lurah, Negara Brunei Darussalam, tertuduh pertama telah memperolehi untuk dirinya sendiri, dua tan simen berjumlah BND350 (Tiga Ratus Lima Puluh Ringgit), daripada tertuduh kedua, Pengarah Urusan Syarikat Pro-Team Construction and Trading Sdn Bhd. yang membangunkan Housing Development Project di Lot 27231, Simpang 52-55-30, Kampung Mata-Mata, Mukim Gadong, yang tertuduh pertama ketahui mempunyai urusan kerja dengannya sebagai Penolong Penguasa Bomba di JBP yang bertanggungjawab untuk memeriksa dan meluluskan Projek Pembangunan Perumahan tersebut.

Bagi pertuduhan keempat, Timbalan Pendakwa Raya memaklumkan kepada Mahkamah bahawa hasil siasatan BMR mendapati tertuduh kedua telah bersubahat melakukan kesalahan di bawah Bab 165 Kanun Jenayah (Penggagal 22) oleh tertuduh pertama.

Semasa dihadapkan di Mahkamah, tiada pengakuan diambil.

Mahkamah Majistret telah membenarkan tertuduh untuk dibebaskan dengan ikat jamin sebanyak BND5,000 (Lima Ribu Ringgit) atau seorang penjamin tempatan.

Kes ini akan disebut semula pada 8 Mei 2013 pukul 2.00 petang.

Taqzir, undang-undang yang diiktiraf Islam

Dari muka 1

Jenayah Syar'iah datang langsung daripada Allah, digubal untuk manusia oleh Allah sendiri, sementara Undang-Undang Jenayah Sivil pula kebanyakannya datang daripada Barat dan digubal oleh manusia.

Menurut Yang Berhormat, mana-mana kesalahan jenayah yang ada disebut hukumannya oleh Al-Qur'an atau As-Sunnah termasuk *qisas* tidak boleh dihukum dengan *taqzir* tetapi dengan *hudud*.

Yang Berhormat berkata, skop jenayah *hudud* dan skop jenayah *taqzir* berbeza di mana skop jenayah *hudud* terbatas kepada beberapa jenis jenayah sahaja, sementara skop jenayah *taqzir* pula lebih luas meliputi semua bentuk kesalahan, dan hukuman juga pelbagai tertakluk kepada budi bicara pemerintah dan badan perundangan atau hakim.

"Namun ada ketikanya *taqzir* itu seakan-akan mengambil tempat *hudud*, iaitu apakala hukuman bagi jenayah *hudud* tidak dapat dilaksanakan kerana memenuhi syarat-syarat pelaksanaan seperti saksi tidak mencukupi dan seumpamanya. Namun *taqzir* di sini bukanlah ia tempat untuk mengambil tempat *hudud*. Tidak boleh *taqzir* menggantikan tempat *hudud*. Tidak boleh. Jenayah zina, *qazab*, *sariqah*, *hirabah*, minum arak dan *irtidad* mesti dan wajib ia dihukum dengan *hudud* bukan *taqzir*," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, kerana itu amalan Mahkamah-Mahkamah Syar'iah masa kini, yang menghukum jenayah *hudud* dengan *taqzir* itu belum boleh dianggap Syar'ie, kecuali kalau kita sudah ada Akta Hukuman Jenayah Syar'iah.

Selain jenayah atau kesalahan-kesalahan *hudud*, terdapat juga jenayah atau kesalahan-kesalahan yang turut disebut oleh Al-Qur'an dan As-Sunnah, tetapi tidak dinyatakan hukumannya seperti kesalahan memakan makanan haram, tidak menunaikan amanah dan menghukum dengan zalim, memakan harta anak yatim, menipu sukatan dan timbangan, mengenaikan dan memakan riba, membuat fitnah dan menghinakan serta memburukkan nama orang lain, melakukan rasuah, berjudi, menilik nasib dan lain-lain.

"Ini semua, adalah jenayah atau kesalahan-kesalahan yang disebut oleh Al-Qur'an tetapi tidak dinyatakan hukumannya, dan ia cuma dikategorikan sebagai kesalahan-kesalahan *taqzir* sahaja dan hukumannya tertakluk kepada budi bicara pemerintah, badan perundangan atau hakim untuk menentukannya.

"Ini adalah kesalahan-kesalahan yang disebut oleh Al-Qur'an. Di sana ada pula sekian banyak kesalahan-kesalahan yang tidak disebut oleh Al-Qur'an atau As-Sunnah yang boleh dihukum dengan *taqzir*. Kesalahan-kesalahan itu semakin beragam mengikut putaran atau perkembangan hidup manusia. Selama ia (kesalahan-kesalahan) itu bertentangan dengan kepentingan atau muslihat umum, maka ia dihukum dengan *taqzir*. Hukuman mesti setimpal dengan kesalahan," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan, Undang-Undang Jenayah Syar'iah tidak terlepas dari aspek akidah, meyakini perkara-perkara ghaib, sebagai wajib mempercayainya kerana ia disebut oleh Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Menurut Yang Berhormat, jenayah dalam Islam mengikut hak Allah, hak manusia dan hak kedua-duanya sekali Undang-Undang Jenayah Syar'iah lebih menitikberatkan *pencegahan* dari hukuman Undang-Undang Jenayah Syar'iah sangat kemas lagi berhati-hati menangani kes, caranya unik, ketat dan halus.

Undang-Undang Jenayah Syar'iah, tambah Yang Berhormat, berkonsep *amar makruf* dan *nahi mungkar* (menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran) tidak diragukan lagi penuh dengan keberkatan.

Mufti Kerajaan juga menjelaskan mengenai perbezaan hukuman dalam Undang-Undang Jenayah Syar'iah dan Undang-Undang Jenayah Sivil umpamanya hukuman sebat.

"Sebat atau rotan berperanan dalam Undang-Undang Jenayah Syar'iah dan juga Undang-Undang Jenayah Sivil, meskipun namanya sama namun bentuk, cara dan kesan serta akibat dari perlaksanaannya jauh berbeza," jelas Yang Berhormat.

Antara yang hadir dalam ceramah tersebut ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad, Ketua Kampung Lumut I; Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin, Ketua Kampung Mumong, ketua-ketua cawangan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta masyarakat dan penduduk Daerah Belait.



CERAMAH Kuliah Bersama Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam menerima sambutan amat menggalakkan daripada orang ramai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan Premier of the State Council Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang berikutan dengan kejadian gempa bumi yang melanda Wilayah Sichuan di Republik Rakyat China baru-baru ini.

Di dalam perutusan Kebawah Duli

Berkenan utus takziah

Yang Maha Mulia kepada Presiden Republik Rakyat China, TYT Xi Jinping, baginda telah menzahirkan perasaan amat dukacita berikutan dengan banyak kehilangan jiwa dan kemusnahan akibat gempa bumi tersebut, baginda dan kerajaan baginda serta rakyat Negara Brunei Darussalam seterusnya menyampaikan ucapan takziah dan amat dukacita kepada rakyat dan Kerajaan Republik Rakyat China, terutamanya kepada keluarga-keluarga yang kehilangan ahli-ahli keluarga mereka disebabkan malapetaka tersebut.

Sementara itu, di dalam perutusan

baginda kepada Premier of the State Council Republik Rakyat China, TYT Li Keqiang, baginda telah menzahirkan perasaan amat dukacita yang mendalam berikutan kejadian gempa bumi tersebut, yang mana baginda serta kerajaan baginda dan rakyat Negara Brunei Darussalam telah meluahkan perasaan amat bersedih dan takziah kepada rakyat dan Kerajaan Republik Rakyat China dan keluarga-keluarga mangsa-mangsa gempa bumi itu. Baginda yakin bahawa dengan adanya bimbingan TYT Li Keqiang, Republik Rakyat China akan dapat mengatasi masa yang sukar ini.

BDNOC dan White Lion layak ke separuh akhir



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan menyertai pasukan BDNOC menentang pasukan KKBS dalam Kategori VIP.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 April. - Kejohanan Futsal Amal Untuk Tabung Mangsa Kebakaran Kampung Setia 'A' anjuran Jabatan Belia dan Sukan diteruskan malam ini dengan beberapa perlawanan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyertai perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei

Darussalam (BDNOC) yang bermain bagi pasukan BDNOC.

Juga berangkat dan menyertai kejohanan bagi pasukan White Lion ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Aleem ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Pasukan BDNOC dalam Kategori Khas telah melayakkan diri ke pusingan separuh akhir mengisi tempat kedua Kumpulan 'A' setelah malam ini menang tipis 1-0 ke atas pasukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Sementara pasukan White Lion

juga dari Kategori Khas, juara Kumpulan 'A' akan beraksi di pusingan separuh akhir yang akan berlangsung esok setelah berjaya mengikat pasukan NFABD 0-0 di tempat yang sama.

Pada pusingan separuh akhir pasukan BDNOC akan menentang pasukan Jabatan Daerah Brunei dan Muara juara Kumpulan 'B', manakala pasukan White Lion juara Kumpulan 'A' akan bertemu pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, naib juara Kumpulan 'B'.

Kejohanan tiga hari itu dikendalikan oleh Persatuan Bolasepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) bagi mengisi tabung amal mangsa kebakaran Kampung Setia 'A' yang disertai oleh 20 buah pasukan dari Kategori Khas dan Terbuka.

Diabetes memerlukan intervensi yang proaktif dan inovatif

Dari muka 1

Fakta dan statistik tersebut, jelas Yang Berhormat, mencerminkan landskap yang membimbangkan dalam status diabetes sebagai satu penyakit dalam masyarakat di negara ini yang

MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohammad Yusof semasa berucap pada Majlis Pelancaran Simposium Penyakit Diabetes (Kencing Manis) Untuk Doktor-Doktor Rawatan Asas dan Jururawat Pendidik Diabetes.

memerlukan intervensi bukan sahaja aktif tetapi juga proaktif dan inovatif.

Ia memerlukan satu pendekatan yang agresif bagi Kementerian dalam menguruskan pemeriksaan yang mana penyakit dan komplikasi perlu bersepadu dalam pengurusan keseluruhan.

Di samping itu, terdapat juga satu keperluan yang mendesak dalam strategi keseluruhan dan pengurusan diabetes dilanjutkan ke satu langkah lagi untuk menangkap usaha pencegahan, terutamanya dalam menangani faktor-faktor risiko, mengubah tingkah laku dan mengamalkan gaya hidup sihat, terutamanya sasaran kepada generasi muda.



'RAKYAT KITA, MASA DEPAN KITA BERSAMA'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.